

## Pembandaran dan Kehidupan Bandar di Semenanjung Malaysia

### Urbanisation and Urban Life in Peninsular Malaysia

ABDUL RAHMAN EMBONG

#### ABSTRAK

*Artikel ini menghujahkan bahawa memandangkan kira-kira 70 peratus penduduk Malaysia sudah tinggal di bandar dan proses pembandaran masih terus berlaku, maka kehidupan bandar atau urbanisme sudah menjadi cara hidup dan unsur penting dalam peradaban masyarakat Malaysia. Namun kehidupan bandar khususnya bagi orang Melayu dan Bumiputera lain adalah suatu pengalaman baru sungguhpun, tidak baru bagi sebahagian besar kaum Cina dan India. Kewujudan hubungan sosial baru yang urban sifatnya tidak semestinya melenyapkan hubungan kekeluargaan dan komuniti. Artikel ini menunjukkan walaupun kritikan Louis Wirth terhadap budaya masyarakat bandar adalah tepat dari satu segi meluasnya individualisme, ketidakpedulian dan perlunya kawalan sosial yang formal, tetapi peranan manusia sebagai agensi yang mampu membentuk semula hubungan dan organisasi sosial mereka bagi memenuhi tujuan kehidupan sosial berpandukan nilai-nilai budaya dan keagamaan tidak boleh diketepikan. Ini jelas terbukti dengan usaha pembentukan komuniti dan wujudnya komuniti yang agak utuh walaupun dalam masyarakat bandar. Artikel ini juga menunjukkan di kalangan penghuni bandar besar seperti Kuala Lumpur dan Pulau Pinang terdapat sejumlah yang memutuskan tempat itu sebagai tempat tinggal tetap mereka kerana mereka sudah bersehati dengan kehidupan kota dan juga kerana soal praktikal, tetapi ada sebahagian lain menganggap bandaraya sebagai laluan tempat membina kerjaya dan bukannya tempat tetap mereka seumur hidup. Keadaannya berlainan dengan ramai penghuni bandar pertengahan, lebih-lebih lagi bandar seperti Kota Bharu dan Melaka di mana kehidupan di bandar itu menjadi matlamat tempat tinggal tetap, bukannya sebagai tempat 'mencari makan' semata-mata. Namun, cabaran terbesar kehidupan di kalangan penghuni bandar terutamanya bandar besar ialah kenaikan kos hidup yang menghantui khususnya mereka daripada golongan bawahan.*

*Kata kunci: Pembandaran; urbanisme; penghuni bandar; komuniti; Malaysia*

#### ABSTRAK

*This article argues that with about 70 percent of Malaysia's population already living in towns and cities and the urbanisation process is still ongoing, urban living and urbanism have become a way of life and a key element in Malaysia's civilization. However, urban living for the Malays and other Bumiputera communities is relatively new although it is not new for most of the Chinese and Indians. The existence of new urban social relations, however, does not necessarily replace family and community relations. This article shows that while Louis Wirth's criticism of urban culture in respect of the spread of individualism, and the importance of formal social control is correct, the role of human agency should not be overlooked. Human beings as agencies are able to create and recreate social relations and organisations to suit their social needs and guided by their cultural and religious values. This is supported by evidence of efforts to build communities and the existence of relatively sustainable communities in the urban milieu. This article also demonstrates that among urbanites in major cities such as Kuala Lumpur and Penang, a substantial number perceive the city as their permanent home because life in big cities has already become part of them, and also for practical reasons; however, there are also sections of those of regard such cities mainly as venues in building their career and not as places for permanent living. The situation is quite different in smaller cities especially Kota Bharu and Melaka where there is a sense of permanency, with cities being perceived not just as places to earn a living but also as places for retirement. However, the rising cost of living has become the greatest challenge for urbanites especially those from the lower classes residing in big cities.*

*Keywords: Urbanisation; urbanism; urbanites; community; Malaysia*

## PENDAHULUAN

Masyarakat Malaysia telah mengalami proses transformasi sejarah yang besar dan mendalam dalam satu abad lebih ini, khususnya semenjak kemerdekaan pada 1957, pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) (1971-1990) serta akibat dampak globalisasi yang dipacu oleh kuasa pasaran semenjak 1980-an. Antara proses yang telah merombak struktur masyarakat dan cara kehidupan penduduk pelbagai kaum ini ialah pemodenan, pambandaran dan perindustrian. Ketiga-tiga proses ini bukan sahaja telah mencetuskan penghijrahan penduduk secara besar-besaran, khususnya dari desa ke bandar, dan dari bandar kecil ke bandar besar, tetapi juga telah merombak struktur pekerjaan, pendapatan serta struktur kelas dan gaya hidup mereka. Terdapat beberapa kesan besar daripada keseluruhan proses ini. Pertama, perubahan ke atas stratifikasi sosial dengan kemunculan kelas-kelas baru dalam masyarakat yang tinggal di bandar; kedua, kemunculan cara hidup baru yang dikenali sebagai gaya hidup bandar; dan ketiga, perubahan ke atas ciri-ciri masyarakat daripada 'masyarakat majmuk' (dalam erti kata Furnivall) di mana penduduk berlainan kaum tinggal secara berasingan dan terpisah tanpa interaksi kecuali di institusi pasar, menjadi masyarakat berbilang kaum yang lebih berintegrasi merentasi sempadan kaum sungguhpun ciri-ciri keterpisahan antara kaum masih tetap wujud.

Negara-negara maju seperti United Kingdom, Perancis dan Jerman di Eropah serta Amerika Syarikat dan Jepun telah melalui proses pemodenan, pambandaran dan perindustrian jauh lebih awal. Mereka mempunyai bilangan bandar dan bandar raya yang banyak dengan jumlah terbanyak penduduk tinggal di bandar dan masyarakatnya terbahagi kepada kelas-kelas sosial yang ketara. Walau bagaimanapun, perlu diambil perhatian bahawa kawasan luar bandar yang berasaskan pertanian masih tetap wujud di negara-negara tersebut tetapi pertanian mereka dijalankan dengan cara moden dengan penggunaan teknologi maju. Sebagai contoh, bagi tahun 2008, sementara United Kingdom mempunyai 90 peratus penduduk mendiami kawasan bandar, peratusan penduduk bandar bagi beberapa negara maju lain adalah jauh lebih rendah – Amerika Syarikat 82 peratus, Jerman 74 peratus, Jepun 66 peratus dan Perancis 63 peratus. Ini menunjukkan penduduk luar bandar masih lagi ketara dan penting khususnya bagi Perancis, Jepun, dan Jerman sungguhpun bagi Amerika Syarikat penduduk luar bandar ialah sebanyak 18 peratus dan United Kingdom 10 peratus.

Pengalaman negara-negara membangun seperti Malaysia menunjukkan beberapa ciri yang berbeza dengan pengalaman negara maju. Fenomena peningkatan bilangan bandar, pertumbuhan pesat sesetengah bandar menjadi bandar besar bahkan bandar raya yang kosmopolitan, manakala penduduk pula semakin ramai berhijrah dan tinggal di bandar diiringi kemunculan kelas-

kelas baru yang berbeza-beza adalah satu pengalaman baru bagi Malaysia.

Mengambil kira konteks di atas, artikel ini akan meneliti dimensi kemasyarakatan daripada perubahan bersejarah ini iaitu proses pambandaran, pembentukan kelas dan pembinaan komuniti serta kehidupan penghuni bandar dengan tumpuan terhadap Semenanjung Malaysia. Kajian mengenai pambandaran, pembentukan kelas dan kehidupan bandar ini telah dijalankan oleh penulis secara berterusan sejak pertengahan 1990-an, khususnya melalui projek kajian kelas menengah serta Projek Penyelidikan Arus Perdana tajaan Universiti Kebangsaan Malaysia bertajuk "Globalisasi dan Pambandaran di Malaysia", dan kajian-kajian ini diteruskan lagi pada dekad 2000-an untuk meneliti secara khusus kehidupan bandar di beberapa lokasi di Semenanjung Malaysia. Artikel ini memanfaatkan sebahagian penemuan daripada kajian sebelum ini serta kajian susulan yang dilakukan dalam dekad 2000-an di samping menggunakan data sekunder daripada dokumen-dokumen rasmi dan lain-lain.

Untuk memudahkan perbincangan, artikel ini terbahagi kepada beberapa bahagian. Bahagian pertama menghuraikan proses pambandaran dan pembentukan kelas-kelas sosial yang baru, disusuli dengan bahagian-bahagian seterusnya yang meneliti penghijrahan ke arah bandar raya dan bandar pertengahan; meneliti dinamika kehidupan bandar seperti yang dialami oleh para penghuninya dengan membandingkan peluang, cabaran dan dilema kehidupan di bandar raya dengan kehidupan di bandar pertengahan menurut perspektif penghuninya; meneliti pembentukan komuniti bandar dan apakah bandar menjadi tempat laluan atau tempat bermastautin tetap. Di bahagian kesimpulan, artikel ini mengaitkan perbincangan dengan teori Louis Wirth (1938) mengenai urbanisme sebagai satu cara hidup dan teori transisi pambandaran di negara-negara membangun oleh Terry Mc Gee (2009) khususnya mengenai perlunya konsep 'bandar' 'luar bandar' didefinisi semula serta mengenai pembentukan kawasan 'desakota'. Namun, ada beberapa proposisi lain yang diajukan dalam artikel ini yang cuba dibina berdasarkan makna organisasi sosial bandar kepada penghuni dalam keseluruhan perjalanan kehidupan mereka yang dilihat daripada perspektif penghuni bandar.

## PEMBANDARAN DAN PEMBENTUKAN KELAS-KELAS MODEN

### PROSES PEMBANDARAN

Proses pambandaran yang pesat sejak kemerdekaan lima dekad lebih yang lalu telah mengubah masyarakat Malaysia yang bersifat luar bandar menjadi masyarakat yang bandar sifatnya. Sebelum Merdeka, peratusan penduduk yang tinggal di bandar memang kecil. Sebagai contoh, pada tahun 1947, hanya 15.9 peratus sahaja penduduk Malaysia (ketika itu Malaya) menetap di

bandar. Walau bagaimanapun, tiga belas tahun selepas Merdeka, iaitu pada 1970, daripada jumlah 10.4 juta penduduk, kira-kira seperempat iaitu 26.7 peratus tinggal di kawasan bandar. Satu dekad kemudian, jumlah penduduk bandar meningkat menjadi 34.2 peratus, akan tetapi, pada 1991, kadar ini naik secara mendadak kepada 50.7 peratus. Kadar pembangunan Malaysia terus meningkat lagi dengan penduduk bandar merupakan 55.1 peratus pada 1995 dan 61.8 peratus pada tahun 2000. Dalam dekad pertama abad ke-21, kita dapati proses pembangunan terus-menerus berlaku, dengan penduduk bandar menyumbang sebanyak 66.9 peratus pada 2005 dan meningkat kepada 70 peratus pada 2008 (angka untuk tahun 2010 belum diperolehi).

Perlu diambil perhatian bahawa peningkatan penduduk bandar secara mendadak semenjak banci 1991 adalah disebabkan oleh beberapa faktor, iaitu selain pertumbuhan semula jadi dan penghijrahan masuk, ia disebabkan oleh pendefinisian semula kawasan bandar. Dalam banci sebelum tahun 1991, kawasan bandar didefinisikan sebagai kawasan yang dibangunkan yang mempunyai penduduk 10,000 orang atau lebih. Akan tetapi mulai banci 1991, kawasan bandar ditakrifkan sebagai meliputi kawasan yang dibangunkan dan juga kawasan tepubina yang mempunyai 10,000 penduduk ke atas.

Kepesatan kadar pembangunan di Malaysia dalam dekad kebelakangan ini boleh ditunjukkan lagi daripada data rasmi yang dikeluarkan dalam Rancangan Malaysia Ke-10. Data itu menunjukkan dalam tempoh satu dekad pertama abad ke-21, Malaysia terus mengalami arah aliran pembangunan yang pesat, di mana penduduk bandar tumbuh dengan pesat sebanyak 2.2 peratus dalam tempoh 2000-2009 berbanding dengan 1.6 peratus pertumbuhan bagi penduduk luar bandar dalam tempoh yang sama. Kadar pembangunan adalah paling pesat bagi Semenanjung Malaysia. Pada 1991, daripada jumlah penduduk seramai 14.2 juta di Semenanjung, 7.7 juta atau 54.3 peratus tinggal di bandar berbanding 6.5 juta atau 45.7 peratus tinggal di luar bandar. Kira-kira 10 tahun kemudian, iaitu pada 2000, bilangan penduduk Semenanjung meningkat kepada 18.5 juta, dengan penduduk bandar bertambah kepada 12.1 juta atau 65.4 peratus berbanding penduduk luar bandar sebanyak 12.1 juta atau 34.6 peratus manakala bagi tahun 2009, penduduk bandar sudah meningkat kepada 67 peratus. (Perlu diperhatikan bahawa anggaran dalam Rancangan Malaysia Ke-10 ini dibuat pada tahun 2009 sebelum Banci 2010 dijalankan, dan ia berbeza dengan anggaran yang dibuat dalam laporan *CIA World Factbook* yang mencatat 70 peratus bagi tahun 2008 untuk seluruh Malaysia. Oleh sebab Laporan Banci 2010 belum diperolehi, penulis terpaksa menggunakan kedua-dua dokumen ini dan menganggap angka itu sebagai anggaran).

Trend pembangunan yang semakin meningkat ini dijangka akan berterusan. Justeru pada tahun 2020, adalah dijangkakan sebanyak 90 peratus daripada pertumbuhan

penduduk dalam tempoh 2000-2020 akan tertumpu di kawasan bandar (Malaysia 2011: 248). Berdasarkan trend ini, Semenanjung Malaysia dijangka akan mempunyai penduduk bandar seramai 20.8 juta atau 75.0 peratus daripada 27.7 juta penduduk pada 2020 berbanding penduduk luar bandar sebanyak 6.9 juta dengan peratusannya menurun dengan ketara kepada 25 peratus. Gambaran mengenai kadar pembangunan yang dijangka berlaku pada tahun 2020 merupakan keterbalikan keadaan yang berlaku selepas Merdeka iaitu pada 1970 penduduk bandar pada masa itu hanya berjumlah 27.0 peratus berbanding penduduk luar bandar sebanyak 73.0 peratus. Apa yang penting lagi ialah kawasan bandar merupakan tempat tertumpunya pekerjaan. Ini terbukti apabila pada tahun 2000 terdapat 84.8 peratus daripada jumlah pekerjaan tertumpu di bandar, dan peratusan ini meningkat lagi pada hari ini.

Selain peratusan penduduk bandar yang meningkat, didapati bandar juga menjadi semakin besar dan status sebahagian daripadanya mula berubah menjadi bandar raya. Semasa kemerdekaan, Malaysia (ketika itu Malaya) hanya mempunyai sebuah bandar raya iaitu George Town di Pulau Pinang yang dianugerahkan taraf bandar raya oleh Ratu Inggeris pada 1 Januari 1957 (selepas Singapura diisytiharkan bandar raya pada 1951). Dalam tempoh 50 tahun lebih sejak Merdeka, beberapa buah bandar besar susul menyusul dianugerahkan taraf bandar raya oleh Yang di-Pertuan Agong. Perisytiharan anugerah bandar raya itu bermula dengan Kuala Lumpur pada 1 Februari 1972, disusuli oleh Ipoh pada 27 Mei 1988, Kuching pada 1 Ogos 1988, Johor Bahru pada 1 Januari 1994, Kota Kinabalu pada 2 Februari 2000, Shah Alam pada 10 Oktober 2000, Bandar Melaka pada 15 April 2003, Alor Setar pada 21 Disember 2003, Miri pada 20 Mei 2005, Petaling Jaya pada 20 Jun 2006, dan terakhir Kuala Terengganu pada 1 Januari 2008.

Kebanyakan pertumbuhan penduduk bandar adalah akibat pertambahan semulajadi, tetapi 25 peratus adalah kerana migrasi desa-bandar, terdiri kebanyakannya daripada orang Melayu. Bahkan menurut satu taksiran, kadar pembangunan orang Melayu sejak 1970-an adalah tiga kali ganda lebih tinggi daripada kadar bagi bukan Melayu (Brown 1994: 236-7). Keadaan ini mengubah pola penduduk bandar. Sepuluh tahun sebelum Merdeka, iaitu pada 1947, lebih 92 peratus penduduk bandar terdiri daripada bukan-Melayu, manakala penduduk Melayu hanya 8 peratus. Pada 1970, peratusan penduduk Melayu di bandar telah bertambah kepada 14.9 peratus. Bagi bandar raya Kuala Lumpur, di antara 1957 hingga 1970, peratusan penduduk Melayu bertambah daripada 14.9 peratus menjadi 25.2 peratus, manakala peratusan penduduk Cina menurun daripada 62.1 peratus kepada 54.7 peratus. Pada 1975, 83.0 peratus penduduk Kuala Lumpur berasal dari luar bandar raya itu, yang menunjukkan kadar penghijrahan masuk yang amat tinggi.

Perkara yang istimewa baru dalam perubahan bersejarah ini ialah fenomena peningkatan bilangan

orang Melayu dan Bumiputera lain yang tinggal di bandar manakala kelas-kelas sosial pula menjadi semakin berbilang etnik sifatnya. Hal ini bererti komposisi penduduk bandar terutamanya bandar raya yang dahulunya diidentifikasi dengan kelompok etnik tertentu, iaitu kaum Cina, telah berubah apabila komposisi penduduknya menjadi lebih berbilang kaum. Apa yang menarik ialah sekiranya dahulu orang Melayu tidak pernah menjadi majoriti penduduk mana-mana bandar besar khususnya di pantai barat Semenanjung Malaysia, pada hari ini, ada bandar raya di pantai barat seperti Shah Alam yang berpenduduk seramai 671,282 orang pada 2010 dianggap sebagai 'bandar raya Melayu' kerana lebih 70 peratus penduduknya terdiri daripada orang Melayu. Boleh dikatakan bahawa pada hari ini, masyarakat Melayu sudah menjadi masyarakat bandar. Selain bandar raya Shah Alam, banyak lagi bandar di Lembah Kelang yakni sekitar Kuala Lumpur seperti Petaling Jaya, Subang Jaya, Ampang Jaya, Kajang, Bandar Baru Bangi dan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang baru, iaitu Putrajaya didiami kebanyakannya oleh orang Melayu.

Perubahan ini telah mencetuskan semacam nostalgia tentang *the good old days* mengenai kehidupan desa khususnya bagi orang Melayu yang sebelum ini dikenali sebagai masyarakat kampung. Akan tetapi, arus perubahan masyarakat tidak dapat mundur ke belakang, lebih-lebih lagi apabila pemerintah memang merancang untuk menjadikan Malaysia 'negara maju' berpendapatan tinggi menjelang 2020. Pada masa yang sama, ekonomi Malaysia telah menjadi semakin terintegrasi dengan ekonomi dunia, dan proses pambandaran dan pertumbuhan bandar yang pesat itu berlaku dalam era globalisasi. Hal ini bererti bahawa proses globalisasi dalam pelbagai bidang – ekonomi, politik, sosial, budaya dan ideologi – akan terus-menerus memberi dampak ke atas masyarakat Malaysia, lebih-lebih lagi ke atas golongan yang menetap di bandar.

#### PEMBENTUKAN DAN PERKEMBANGAN KELAS-KELAS MODEN

Mengenai pembentukan kelas, pertumbuhan dan perkembangan kelas-kelas baru berlaku hasil daripada dasar pemodenan, perindustrian dan pambandaran yang dirancang oleh pemerintah selepas kemerdekaan, khususnya sejak 1970-an serta penglibatan sektor swasta. Tidak seperti pada awal 1970-an, di mana golongan kapitalis dan kelas menengah terdiri kebanyakannya daripada orang Cina, manakala kelas menengah Melayu terdiri daripada sekumpulan kecil pentadbir pemerintah, tahun-tahun selepas pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru mulai 1970-an menyaksikan bermulanya perkembangan pesat kelas menengah baru dan kelas korporat yang pelbagai etnik (Abdul Rahman 1996; 2002). Selain barisan pentadbir, kelas menengah baru ini juga dianggotai oleh pengurus dan profesional lain, sesetengahnya dalam

sektor pemerintah, manakala majoritinya dalam sektor swasta. Dalam tempoh beberapa dekad ini juga, kelas menengah generasi kedua telah muncul khususnya di bandar-bandar utama negara ini (Abdul Rahman 2006).

Transformasi besar masyarakat Malaysia berkaitan erat dengan perkembangan ekonomi dalam 50 tahun lebih ini. Perkembangan ini dapat dilihat apabila kita membandingkan perubahan dalam sumbangan sektor primer, kedua dan ketiga kepada keluaran dalam negeri kasar (KDNK) yang menunjukkan peningkatan sektor kedua dan tertiar serta menurunnya sumbangan sektor pertama khususnya pertanian. Data rasmi menunjukkan bahawa pada 1970, walaupun sumbangan sektor pertanian kepada KDNK ialah 31.4 peratus, iaitu sumbangan terbesar berbanding sektor lain, peratusannya menjunam kepada 18.7 peratus pada 1990, dan 12.8 peratus pada 2000 (Malaysia 1999: 39) manakala pada tahun 2009, sumbangan sektor pertanian terus mengecil kepada 7.7 peratus sahaja daripada seluruh KDNK (Dihitung daripada perangkaan dalam Jadual 5. Lihat Malaysia 2011: 364).

Menurunnya sumbangan sektor pertanian kepada KDNK berlaku seiring dengan meningkatkannya sumbangan sektor sekunder (pembuatan, pembinaan dan perlombongan) kepada KDNK dalam beberapa dekad semenjak 1970-an. Data menunjukkan daripada sumbangan sebanyak 23.3 peratus kepada KDNK pada 1970, sumbangan sektor ini meningkat kepada 40.2 peratus pada 1990 dan 45.2 peratus pada 2000 (Malaysia 1999: 39). Sungguhpun begitu, sumbangan sektor kedua kepada KDNK menurun selepas itu sehingga kepada paras 37.7 peratus pada 2009 (Malaysia 2011: 364) disebabkan peningkatan sumbangan sektor tertiar (iaitu pelbagai jenis perkhidmatan) dalam sepuluh tahun ini. Data menunjukkan dalam tiga dekad semenjak 1970-an, sumbangan sektor tertiar yang berada pada paras 45.3 peratus pada 1970 menurun sedikit kepada 41.1 peratus pada 1990, dan kekal pada 42.0 peratus pada 2000 (Malaysia 1999: 39). Namun dalam tempoh satu dekad ini, dengan semakin pentingnya peranan sektor perkhidmatan dalam ekonomi negara, sumbangan sektor ini meningkat dengan ketara kepada 57.6 peratus pada 2009 (Malaysia 2011: 364).

Seterusnya, perubahan struktur yang dijelaskan di atas telah mengubah pola pekerjaan tenaga kerja. Kalau pada zaman penjajah, tenaga kerja sektor pertanian paling ramai jumlahnya, kini bilangan mereka paling sedikit. Data rasmi menunjukkan peratusan tenaga kerja luar bandar yakni mereka di sektor pertanian dan perikanan menurun daripada 54 peratus dari jumlah keseluruhan tenaga kerja pada 1970 kepada 28 peratus pada 1990, dan turun lagi kepada 16.1 peratus pada 2000 (Malaysia 1971; 1999: 76-77) dan 12.0 peratus pada 2009 (Malaysia 2011: 378). Dari segi lain, tenaga kerja bukan pertanian berkembang dengan sangat pesat. Contohnya, jumlah tenaga kerja dalam sektor kedua (pembuatan, perlombongan dan pembinaan) dan lebih-lebih lagi sektor tertiar (pelbagai jenis perkhidmatan) meningkat dengan

ketara. Bagi sektor kedua, proporsi tenaga kerjanya meningkat daripada 8.7 peratus pada 1970 kepada 19.5 peratus pada 1990, 27.5 peratus pada 2000 (Malaysia 1999: 76-77) dan 34.6 peratus pada 2009 (Malaysia 2011: 378) manakala tenaga kerja bagi sektor perkhidmatan merupakan jumlah terbesar pada hari ini iaitu sebanyak 53.4 peratus pada tahun 2009.

Seperti yang dinyatakan di atas, kelas menengah baru yang mengalami pertumbuhan dramatik sejak tahun 1970-an, terdiri daripada golongan profesional dan teknikal serta pentadbir dan pengurus (Abdul Rahman 1996, 2002). Dalam tempoh ini, kategori pekerja perkeranian meningkat secara signifikan, dari 2.9 peratus pada 1957 menjadi 10.1 peratus pada 1995, iaitu peningkatan lebih tiga kali ganda. Walau bagaimanapun, peningkatan kelas menengah baru, iaitu kategori profesional, teknikal, pengurus dan pentadbir meningkat dengan lebih pesat. Daripada kumpulan kecil iaitu hanya 4.0 peratus pada 1957 dan 5.9 peratus pada 1970, kelas menengah baru meningkat secara signifikan kepada 11.2 peratus pada 1990, 13.0 peratus pada 1995 dan meningkat lagi kepada 15.3 peratus pada 2000 – iaitu hampir empat kali ganda dalam tempoh empat puluh tahun. Namun, pada tahun 2009, peratusan mereka meningkat lagi dengan pesat menjadi 28.4 peratus (Malaysia 2011: 380).

Kelas menengah bawah (yang terdiri dari pekerja perkeranian, jualan dan hampir separuh daripada pekerja kategori perkhidmatan) berjumlah 15.8 peratus pada 1957 dan 23.9 peratus pada 1970. Namun, sejak tahun 1990, peratusan kumpulan ini berlegar di sekitar satu per empat daripada seluruh tenaga kerja, iaitu sebanyak 27.1 peratus pada 1990, 27.6 peratus pada 1995, dan 28.3 peratus pada 2000. Pada 2009, peratusan mereka berada pada paras 26.2 peratus.

Trend ke arah pengembangan kelas menengah dalam masyarakat Malaysia dapat dilihat bukan sahaja dengan merosotnya peratusan kelas desa, tetapi juga kelas pekerja. Kelas desa yang berjumlah 56.4 peratus pada 1957 telah menurun kepada 44.8 peratus pada 1970, 32.1 peratus pada 1980, sebanyak 20.1 peratus pada 1995, dan menurun lagi kepada 18.1 peratus pada 2000, dan bagi tahun 2010, peratusan mereka berada di sekitar 11.0 peratus.

Kelas buruh pula mengalami dua tahap perkembangan, iaitu tahap perkembangan pada awal perindustrian berorientasikan eksport sehingga 1980-an, kemudian mencapai tahap bertahan bahkan turn naik dalam tahun 1990-an dan 2000-an. Data menunjukkan kelas buruh yang berjumlah 18.9 peratus pada 1957, berkembang selama dua dekad pada 1970-an dan 1980-an, daripada 27.3 peratus pada 1970 meningkat kepada 36.0 peratus pada 1980. Namun, semenjak itu, peratusannya bertahan di sekitar satu pertiga daripada seluruh tenaga kerja, iaitu sebanyak 33.9 peratus pada 1995 serta menurun kepada 32.8 peratus pada 2000 (Malaysia 1999: 78-79). Kira-kira sepuluh tahun kemudian iaitu pada 2009, peratusan kelas buruh berada pada sekitar 34.4 peratus (Malaysia 2011: 380-81).

## PENGHIJRAHAN KE BANDAR RAYA DAN BANDAR PERTENGAHAN

Memandangkan hakikat bahawa kira-kira 70 peratus penduduk di Malaysia tinggal di bandar dan proses pembangunan masih berlaku terus-menerus, maka kehidupan bandar dan urbanisme sudah menjadi unsur penting dalam peradaban rakyat Malaysia. Namun, kehidupan bandar khususnya bagi orang Melayu dan Bumiputera adalah suatu pengalaman baru bagi mereka. Bahagian ini akan membincangkan dinamika kehidupan bandar dan pelbagai peluang, cabaran dan dilema yang dihadapi oleh pelbagai anggota masyarakat khususnya kelas menengah dan kelas bawahan.

Berdasarkan data yang diperolehi daripada kajian ini dan juga kajian-kajian lain sebelum ini, artikel ini cuba menjawab dua soalan yang saling berkait iaitu: Apakah kehidupan bandar satu *means* (cara, laluan) atau satu *end* (matlamat akhir) bagi warga bandar? Bagaimanakah warga bandar menangani permasalahan ini dalam kehidupan mereka? Data mengenai dinamika kehidupan bandar ini diperolehi melalui kajian berbentuk temubual mendalam yang dilakukan dalam beberapa tahun sejak awal 2000-an ke atas 102 orang informan (75 peratus lelaki, 25 peratus wanita, berusia antara 35 hingga 65 tahun) yang tinggal di tiga buah bandar besar dan tiga bandar pertengahan di Semenanjung Malaysia. Selain itu, perbincangan kelompok berfokus diadakan dengan sejumlah informan di setiap bandar terpilih dan pemerhatian turut dilakukan secara berterusan terhadap pelbagai dimensi kehidupan bandar dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Selain itu, gambaran makro mengenai pembangunan diperolehi daripada data statistik rasmi dan data sekunder lain yang diperolehi melalui kajian perpustakaan yang turut dijalankan. Walaupun kajian ini tidak boleh membuat generalisasi kerana sampelnya kecil dan dipilih secara bertujuan, ia dapat memberikan beberapa pemerhatian dan pemahaman mengenai proses dan dinamika kehidupan bandar di Semenanjung Malaysia pada masa kini.

Enam buah bandar di Semenanjung Malaysia yang telah dipilih sebagai lokasi kajian dengan jumlah penduduk masing-masing daripada tahun 1980 hingga 2010 adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual 1 (bilangan informan yang diinterview di setiap bandar dinyatakan di bahagian bandar berkenaan).

Pemilihan lokasi kajian ini didasarkan kepada pertimbangan-pertimbangan tertentu untuk menangkap keragaman dalam pengalaman kehidupan bandar. Bandar-bandar yang dipilih ialah:

### TIGA BANDAR RAYA UTAMA

Tiga bandar besar metropolitan utama, terdiri daripada Kuala Lumpur dan bandar-bandar satelit di sekitarnya (Petaling Jaya, Ampang, Kajang, Gombak, dan Damansara) di zon tengah, Johor Bahru di zon selatan, dan George

JADUAL 1. Penduduk Bandaraya Utama dan Bandar Pertengahan 1980-2010

Nama Bandar & Bil. informan diinterview	1980	1991	2000	2010
Kuala Lumpur (20 informan)	919,611	1,145,075	1,379,300	1,627,000
Johor Bahru (20 informan)	245,395	442,252	630,603	916,409
George Town (20 informan)	448,241	372,453	286,573	207,743
Bandar Melaka (15 informan)	107,494	162,873	237,053	331,790
Kuantan (15 informan)	131,547	201,272	289,395	422,000
Kota Bharu (15 informan)	167,872	284,604	362,714	609,886

Sumber: Banci Penduduk 1980, 1991, 2000; Jabatan Perangkaan 2000; angka untuk tahun 2010 adalah anggaran.

Town, Pulau Pinang di zon utara. Bandar raya Kuala Lumpur (berserta bandar-bandar satelit di sekitarnya) dipilih kerana bandar raya ini ialah bandar metropolitan yang menjadi ibukota Malaysia dan tumpuan pusat pemerintahan (sebelum peranan ini diambil alih oleh Putrajaya pada 1999), perkhidmatan, kegiatan ekonomi, pendidikan dan lain-lain. Kuala Lumpur terutamanya semenjak 1970-an menjadi ‘pusat tadahan’ penghijrah luar bandar untuk mencari pekerjaan, pendidikan dan sebagainya. Peningkatan bilangan penduduk Kuala Lumpur dapat dilihat daripada angka penduduknya yang berjumlah 648,300 pada 1970 meningkat kepada 919,611 pada 1980, dan kepada 1,145,300 orang pada tahun 1991. Sepuluh tahun kemudian, ia meningkat lagi kepada kira-kira 1.379 juta pada tahun 2000 manakala pada hari ini, jumlahnya sudah meningkat kepada kira-kira 1.5 juta orang. Perubahan komposisi etnik penduduk juga menarik perhatian. Pada 1970, Bumiputera menempati 24.5 peratus, manakala kaum Cina merupakan majoriti sebanyak 57.7 peratus, India 16.6 peratus dan lain-lain 1.2 peratus. Pada tahun 2000, komposisi etnik telah berubah dengan ketara; peratusan penduduk Bumiputera di Kuala Lumpur ialah 40.7 peratus, disusuli oleh penduduk Cina 40.6 peratus, Indian 4.8 peratus, Lain-lain 1.4 peratus manakala warganegara asing berjumlah 6.7 peratus. Dengan semakin membesarnya bandar raya dan lebih-lebih lagi kawasan di sekitarnya (penduduk Lembah Kelang termasuk Kuala Lumpur keseluruhannya berjumlah 7.2 juta orang), Kuala Lumpur sudah menjadi sebuah “bandar raya primat” dan juga “bandar raya global”. Sehubungan itu, Kuala Lumpur menghadapi pelbagai cabaran bandar besar khususnya dari segi kos hidup, kesesakan lalu lintas, jenayah, pencemaran alam sekitar, serta aspek-aspek kualiti hidup yang lain bagi para penghuninya.

Pemilihan Johor Bahru pula sebagai lokasi kajian ialah berdasarkan hakikat ia adalah bandar metropolitan yang sedang mengalami proses pertumbuhan bandar dan perindustrian yang pesat, di samping lokasinya bersempadan dengan Singapura, sebuah negara-kota yang sudah mencapai status negara ‘Dunia Pertama’. Jumlah penduduk Johor Bahru ialah sebanyak 246,395 pada 1980, tetapi meningkat kepada 468,800 orang pada 1991 dan seterusnya kepada 630,600 orang pada tahun 2000 serta 0.92 juta pada 2010. Memang ketara bahawa Johor Bahru menjadi salah satu pusat tadahan penghijrah dari tempat lain ke bandar ini. Selain saiznya yang besar dan faktor lokasinya, kita dapati dua proses penting, iaitu ramai pekerja Johor berulang alik bekerja di Singapura manakala Johor Bahru pula menjadi sasaran warga Singapura membeli-belah sehingga meningkatkan kos hidup dengan sangat ketara.

Bandar raya George Town di Pulau Pinang ialah sebuah bandar agak lama yang terbentuk sejak zaman penjajah dan yang paling maju di kawasan utara. Ia mempunyai banyak peninggalan sejarah dan diiktiraf oleh UNESCO sebagai Bandar raya Warisan Dunia pada Julai 2008 bersama-sama Melaka. Dalam banyak segi, George Town mencerminkan pelbagai masalah yang dihadapi oleh dua bandar raya lain, iaitu peningkatan kos hidup, peningkatan harga hartanah, kesesakan lalu lintas, dan sebagainya. Namun, berbeza dengan Kuala Lumpur, George Town mengalami penghijrahan keluar sejumlah penduduk sehingga ia menyaksikan penurunan bilangan penduduknya dari 448,241 pada 1980 kepada 372,453 pada 1991, 286,573 pada tahun 2000, dan menurun lagi kepada 207,743 pada tahun 2010. Selain itu, status George Town sebagai bandar raya juga dipertikaikan selepas penghapusan pilihan raya kerajaan tempatan pada 1965 dan penyerahan fungsi Majlis Bandar raya George Town kepada Ketua Menteri. Walau bagaimanapun, kerana kedudukan George Town sebagai bandar raya di Pulau Pinang yang dikelilingi pantai yang menarik berserta dengan warisan sejarahnya dan penduduknya yang pelbagai etnik, bandar ini khususnya dan Pulau Pinang secara umumnya merupakan pusat tarikan pelancong yang penting bagi Malaysia.

#### TIGA BANDAR PERTENGAHAN

Selain tiga bandar raya utama di atas, tiga bandar pertengahan, iaitu Melaka di zon selatan, Kuantan dan Kota Bharu di zon timur juga dipilih bagi tujuan menyelami permasalahan kehidupan bandar dan membuat bandingan dengan kehidupan penghuni di bandar raya utama. Pemilihan Bandar Melaka ialah berdasarkan ciri bandar ini sebagai bandar bersejarah dan bandar pertengahan yang di samping cuba meningkatkan perindustrian dan pemodenan, bandar ini berusaha memelihara warisan sejarahnya dan menjadi pusat pelancongan yang penting. Kos hidupnya yang tidak begitu tinggi secara perbandingan dengan bandar raya

metropolitan, pergerakannya yang tidak begitu sibuk serta kedudukannya di pantai Selat Melaka memberinya kelebihan sebagai bandar yang menarik dan selesa bagi pelancongan dan juga bagi mereka yang ingin menetap seumur hidup di sini. Pertumbuhan penduduk Bandar Melaka mencerminkan ia menjadi tempat tarikan penghijrah dari bandar dan negeri lain khususnya dalam tempoh dua dekad semenjak 1990. Data dalam Jadual 1 menunjukkan penduduk Bandar Melaka yang berjumlah 107,494 pada 1980 telah meningkat kepada 162,873 pada 1991. Namun, dekad 1990-an menyaksikan pertambahan penduduk bagi bandar ini yang menyaksikan jumlah penduduk sebanyak 237,053 pada tahun 2000 dan seterusnya meningkat lagi kepada 331,790 pada 2010, iaitu peningkatan hampir 100,000 penduduk dalam tempoh satu dekad pertama abad ke-21.

Di pantai timur, khususnya di timurlaut, ialah bandar Kota Bharu. Apa yang menarik perhatian ialah jumlah penduduk Kota Bharu juga meningkat dengan ketara dalam satu dekad ini (Jadual 1) iaitu daripada 362,714 pada tahun 2000 meningkat secara mendadak kepada 609,886 pada tahun 2010. Bandar ini dipilih kerana 'keunikan'nya sebagai bandar pertengahan di pantai timur. Walaupun kadar perindustriannya tidak pesat berbanding dengan bandar-bandar di negeri lain di pantai barat tetapi nadi ekonominya, khususnya ekonomi perdagangan dan 'runcitan' tetap hidup. Selain itu, dari segi demografi, 90 peratus lebih penduduknya terdiri daripada kaum Melayu dan Islam. Secara politiknya Kota Bharu yang kini disyitiharkan sebagai 'Bandar raya Islam' ialah ibu negeri Kelantan yang diperintah oleh parti pembangkang PAS secara berterusan sejak 1990. Kerajaan PAS cuba melaksanakan cara hidup menurut Islam di kalangan masyarakat termasuk pelaksanaan peraturan-peraturan khusus bagi lelaki dan wanita di pasaraya dan gedung-gedung perniagaan, pengharaman pelbagai jenis hiburan khususnya yang bersifat 'Barat' dan maksiat, dan sebagainya. Secara geografinya pula Kota Bharu tidak jauh dari sempadan Negara Thai dan mengalami proses keluar masuk barang dan juga manusia di antara kedua-duanya.

Kuantan, ibu negeri Pahang di pantai timur Semenanjung ialah sebuah lagi bandar pertengahan dengan penduduk yang berbilang etnik dan mengalami pertambahan penduduk yang ketara sekali khususnya dalam tempoh sepuluh tahun semenjak tahun 2000 sama seperti pengalaman Kota Bharu. Seperti ditunjukkan dalam Jadual 1, pertambahan penduduk bandar Kuantan agak perlahan dari tahun 1980 hingga 1990-an, tetapi selepas itu, bilangannya meningkat daripada 289,395 orang pada tahun 2000 menjadi 422,000 pada 2010. Ini menunjukkan Kuantan juga menjadi bandar tarikan kepada penghijrah dari bandar dan negeri lain hasil daripada proses pembangunan dan perindustriannya yang pesat. Sungguhpun begitu, Kuantan tidak mempunyai ciri sejarah seperti Melaka, dan juga tidak mempunyai ciri Kota Bharu yang lebih kemelayuan dan keislaman

sifatnya. Walau bagaimanapun, bandar Kuantan bersih, indah dan tidak terlalu sesak, kos hidupnya pula tidak terlalu tinggi dan lokasinya tidak jauh dari pantai yang menjadi tumpuan pelancongan iaitu Teluk Cempedak.

Bagi menghuraikan persoalan kehidupan bandar sebagai *means* dan juga *end*, artikel ini memanfaatkan empat konsep yang saling berkait, iaitu 'gerak sentripetal' (memusat), 'gerak sentrifugal' (nyahpusat) serta 'integrasi' dan 'diferensiasi'. Dari segi pendekatan pula, artikel ini menggunakan pendekatan *emic* dan *etic*, iaitu di samping pemerhatian pengkaji, ia memanfaatkan pendekatan *emic* iaitu naratif para informan. Melalui naratif ini pengkaji akan dapat memahami logik serta makna yang diberikan mereka tentang kehadiran dan penyertaan mereka di bandar serta sama ada mereka mengidentifikasikan diri dengan bandar itu sebagai tempat mereka akan menetap ataupun hanya sebagai laluan bagi meneruskan kehidupan yang lebih tetap di tempat lain. Melalui naratif ini juga, pengkaji dapat melihat pandangan dunia masing-masing aktor dan makna yang mereka berikan kepada kehidupan bandar, sama ada urbanisme sudah menjadi cara kehidupan bagi mereka, serta bagaimana mereka menangani peluang, cabaran dan dilema sebagai penghuni bandar.

Artikel ini menghujahkan bahawa ketiga-tiga bandar raya utama yang menjadi lokasi kajian ini adalah 'pusat' yang menjadi daya tarikan kepada penduduk pelbagai kelas dan etnik dari tempat lain dan juga dari negara lain untuk datang bekerja dan melakukan aktiviti-aktiviti lain di sini dan proses ini berlaku lebih awal daripada proses yang sama bagi Melaka, Kota Bharu dan Kuantan. Proses penumpuan ke arah bandar raya ini boleh diistilahkan sebagai 'gerak memusat' atau gerak sentripetal. Proses gerak ke arah pusat ini telah berlaku dengan rancak khususnya sejak 1970-an, di mana ketiga-tiga bandar raya utama tadi khususnya Kuala Lumpur dan Johor Bahru menjadi tempat 'tadahan' bagi para penghijrah dari desa dan juga dari bandar kecil dan sederhana untuk mencari pekerjaan, mendapat pendidikan, mengikuti ibu bapa, suami, isteri dan lain-lain. Proses ini paling ketara bagi Kuala Lumpur pada 1970-an, dan Johor Bahru pada 1980-an dan 1990-an. Dalam tempoh tiga dasawarsa ini, bukan sahaja kawasan luar bandar pelbagai negeri bahkan bandar kecil dan pertengahan telah 'mengirim' begitu ramai penduduk mereka keluar. Selain itu, negara-negara jiran seperti Indonesia, Thailand, Filipina dan Burma juga 'mengirim' tenaga kerja mereka ke Malaysia, khususnya ke ketiga-tiga bandar raya ini, dan ini berlaku dengan ketara sejak 1980-an. Namun, sejak pertengahan 1990-an dan berterusan dalam dekad 2000-an, bandar pertengahan seperti Melaka, Kota Bharu dan Kuantan juga menjadi tempat tujuan penghijrah, yakni mengalami proses gerak memusat juga.

Berdasarkan interviu dengan informan, didapati mereka berasal dari pelbagai tempat dan latar belakang. Untuk bandar raya Kuala Lumpur, walaupun sebahagian informan dan orang yang mereka kenal berasal dari

Kuala Lumpur atau sekitarnya, tetapi ramai lagi yang berasal dari negeri lain, seperti Kelantan, Pahang, Terengganu, Kedah, Johor, dan Pulau Pinang. Mereka kebanyakannya datang semenjak 1970-an dan 1980-an, termasuk sejumlah kecil khususnya golongan muda yang tiba pada 1990-an.

Keadaan yang lebih kurang sama berlaku bagi Pulau Pinang dan Johor Bahru. Di Pulau Penang, kebanyakan informan atau orang yang mereka kenal berasal dari Pulau Pinang, Kedah, Perak, Perlis dan Kelantan. Mereka datang sama ada untuk bekerja di George Town ataupun di Seberang Prai. Pembinaan zon perdagangan bebas dan industri elektronik menjadi daya tarikan untuk mereka berhijrah ke sana di samping ramai juga yang datang menyambung pendidikan di universiti dan institusi pengajian tinggi lainnya.

Johor Bahru mempunyai daya tarikan untuk dirinya sendiri dan juga sebagai jambatan meloncat ke Singapura. Para informan atau ramai orang yang mereka kenal kebanyakannya berasal dari negeri Johor sendiri, Kelantan, Selangor, Kedah, Pulau Pinang dan Terengganu. Sebagai bandar raya yang pesat mengindustri, memang Johor Bahru menawarkan peluang pekerjaan kepada ramai penduduk, lebih-lebih lagi dengan kewujudan koridor pembangunan yang baru yang dikenali sebagai Iskandar. Tetapi tidak kurang pentingnya ialah Johor Bahru atau kawasan sekitarnya menjadi tempat tinggal bagi mereka yang berulang-alik bekerja di Singapura.

Secara umumnya, hampir semua informan berada di bandar sekarang kerana mereka berpindah mencari kerja, mengikut orang tua, lahir di situ, menukar atau ditukarkan tempat bekerja, dan juga kerana peluang pekerjaan yang lebih baik. Faktor-faktor ini umumnya ialah sebab kenapa informan berada di ketiga-tiga bandar raya utama itu. Ini menunjukkan kewujudan hubungan yang instrumental di antara informan dengan bandar raya berkenaan, di mana bandar raya menjadi laluan yang membuka peluang dan cara bagi mereka mencapai tujuan ekonomi, sosial, budaya dan sebagainya.

Dari segi kelas, terdapat bilangan kelas menengah, khususnya profesional, pengurus dan pentadbir yang besar bilangannya di bandar raya-bandar raya ini, di samping terdapat ramai kelas pekerja. Golongan korporat juga amat ketara kewujudan mereka sungguhpun bilangan mereka relatif kecil.

Bagi ketiga-tiga bandar pertengahan yang dikaji, masing-masing berfungsi sebagai 'pusat' dalam lingkungan tertentu. Bagi Kuantan, misalnya, ramai informan dan orang yang mereka kenal berasal dari Pahang di luar Kuantan, serta mereka dari Kelantan, Terengganu, Johor, dan Kedah. Di Melaka pula, sebahagian informan dan orang yang mereka kenal berasal dari kawasan Melaka sendiri tetapi ada sejumlah yang berasal dari Negeri Sembilan, Johor, Selangor dan Kelantan. Walau bagaimanapun, daya tarikan dari bandar-bandar lain ke Kuantan ataupun Melaka tidaklah sebegitu kuat seperti Kuala Lumpur dan Johor Bahru.

Bagi Kota Bharu, kebanyakan informan dan orang yang mereka kenal terdiri dari mereka yang asalnya dari Kota Bharu ataupun dari tempat lain di Kelantan. Selain itu, di bandar ini terdapat sejumlah warganegara Thai yang berniaga ataupun bekerja di sini. Terdapat juga sejumlah kecil mereka yang dahulunya telah berpindah ke Kuala Lumpur, tetapi balik semula ke Kota Bharu selepas bersara. Walaupun Kota Bharu tidak mempunyai daya tarikan ekonomi yang kuat, namun ia telah mencetuskan gerak memusat tertentu kerana ia mempunyai keistimewaannya yang sendiri dari segi cara hidup yang tidak terlalu sibuk dan ciri kemelayuan yang ketara di samping peluang pekerjaan di sektor runcitan.

Ringkasnya, wujud hubungan yang bersifat instrumental di antara warga bandar dengan pelbagai bandar berkenaan, dan ini sangat ketara dalam kes bandar raya. Kepada ramai informan, bandar menyediakan peluang pekerjaan, pendapatan, dan mobiliti sosial, manakala bagi mereka yang berasal dari luar bandar, kehidupan bandar juga memberikan peluang pemberdayaan (*empowerment*) yang membolehkan mereka berdikari dan menentukan sendiri hala tuju kehidupan mereka.

## MENANGANI CABARAN KEHIDUPAN BANDAR

Dalam bahagian ini, artikel ini akan cuba menyelami pandangan dunia dan perasaan para informan yang tinggal di pelbagai bandar yang dikaji di samping menunjukkan persamaan dan perbezaan di antara informan daripada kelas yang berbeza dan juga di antara informan di bandar raya dengan mereka yang tinggal di bandar pertengahan.

Di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Johor Bahru, terdapat pelbagai pandangan dan reaksi para informan hasil daripada pengalaman hidup mereka di bandar raya. Reaksi ini sering berbeza-beza mengikut kelas, etnik dan juga usia. Cabaran pertama yang harus diselesaikan informan selaku penghuni bandar apabila berada di bandar raya ialah mendapatkan pekerjaan dan tempat tinggal. Bagi informan yang mempunyai kelulusan tinggi, pekerjaan yang membawa gaji yang sesuai tidak begitu bermasalah. Tetapi dengan kelulusan yang rendah, seperti Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), informan berkenaan menyatakan mereka hanya boleh memburu pekerjaan yang manual sifatnya yang diperolehi melalui perkenalan kawan, saudara mara, ataupun 'orang yang berpangkat' dan ada kalanya melalui iklan dan *walk-in interview*.

Bagi informan kelas bawahan, walaupun mereka umumnya merasa gembira mendapat peluang bekerja di bandar dan terdedah dengan pelbagai pengalaman dan peluang baru, tetapi di pihak lain, galang-gantinya ialah mereka menghadapi tekanan yang berat dan menyulitkan khususnya dari segi perumahan dan perbelanjaan hidup yang lain. Di ketiga-tiga bandar raya utama yang dikaji, informan kelas bawahan khususnya menghadapi tekanan untuk mendapatkan rumah milik sendiri dan



juga rumah yang mampu disewa. Pihak kerajaan telah melaksanakan dasar membina rumah kos rendah dan menetapkan harga daripada RM25,000 sehingga RM42,000 bagi seunit bergantung kepada lokasi. Mereka yang layak membuat permohonan untuk membelinya ialah mereka yang berpendapatan antara RM750.00 hingga RM1,500.00 sebulan. Akan tetapi, bilangan unit rumah kos rendah adalah terhad, berjumlah 13.1 peratus daripada keseluruhan jumlah rumah yang dibina pada tahun 2000 (Dasimah Omar 2008) dan adakalanya agihan rumah itu tidak menurut syarat yang ditetapkan.

Menurut seorang informan, "Dengan harga yang setinggi ini dan harga barang-barang yang terus naik tidak mungkin untuk orang yang berpendapatan di bawah RM1000 untuk membelinya." Mereka juga memerhatikan sebahagian daripada orang yang mendiami atau memiliki rumah kos rendah itu bukannya orang miskin atau golongan berpendapatan rendah, tetapi orang yang agak berada. "Ini yang saya kesal," kata informan itu lagi.

Di samping harga rumah yang relatif mahal, penghuni bandar juga harus menunggu giliran untuk mendapatkan rumah itu. Rumah kos sederhana juga sudah melambung naik harganya. Misalnya, di Pulau Pinang harga untuk rumah teres satu tingkat berada di sekitar RM120,000 pada akhir 1990-an, tetapi kini mencecah RM300,000 sehingga RM400,000 seunit sedangkan di bandar lain seperti Alor Star unit yang sama boleh diperolehi dengan seharga RM90,000 sehingga RM150,000 sahaja. Bahkan, ada informan mengatakan "untuk rumah kos sederhana rendah, orang yang berpendapatan RM2,000 atau RM3,000 sebulanpun mungkin tak mampu beli, apalagi kalau pendapatan rendah daripada itu seperti saya."

Oleh sebab harga rumah yang di luar jangkauan informan kelas bawahan, ramai mereka menyewa rumah atau bilik. Menurut seorang informan, "Kita jangan harap nak sewa rumah yang selesa dengan gaji yang sedikit; mana lagi dengan masalah makan minum dan belanja anak-anak sekolah. Walaupun saya ada kerja tetap di kilang, masalah ini memeningkan kepala. Mujurlah saya dapat simpan sedikit-sedikit." Ada informan lain berulang kali menyatakan dia ingin menukar pekerjaan, dan kalau perlu berpindah ke bandar lain, dia tidak akan ragu-ragu berbuat demikian sekiranya pekerjaan itu memberikannya pendapatan yang lebih tinggi. Informan daripada golongan wargatua yang rendah pendapatannya pula merasa sangat susah tinggal di bandar kerana kos hidup yang melambung dan peluang pekerjaan yang terbatas bagi warga tua sepertinya. "Saya lebih susah kerana isteri saya uzur dan saya perlu menjaganya."

Satu kajian oleh Ahmad Ariffin Bujang, Hasmah Abu Zarin dan Mohd Razali Agus (2008) memberikan gambaran terperinci tentang isu perumahan di Johor Bahru. Berdasarkan data rasmi, mereka menunjukkan bahawa seunit flat berharga RM32,000-RM134,000 pada 1999, dan meningkat kepada RM68,000-RM145,000 pada 2002. Rumah teres satu tingkat pula yang berharga antara

RM90,000-RM240,000 pada 1999 meningkat kepada RM85,000-RM320,000 pada tahun 2002 manakala rumah teres dua tingkat berharga dari RM140,000-RM364,000 pada tahun 1999 kepada RM150,000-RM438,000 pada tahun 2002. Berdasarkan kajian mereka ke atas 2082 orang responden yang dijalankan pada tahun 2005, responden meletakkan "harga yang terlalu tinggi" oleh pemaju sebagai isu utama. Menurut kajian itu lagi, di kalangan responden yang belum memiliki rumah, 52.3 peratus menyatakan mereka hanya mampu membeli rumah yang berharga di bawah RM100,000.00, manakala 31.4 peratus lagi mengatakan mereka mampu membeli rumah yang berharga antara RM100,000 hingga RM150,000. Hanya 5.5 peratus sahaja menyatakan mereka mampu membeli rumah yang harganya RM250,000 ke atas.

Sewa yang tinggi menjadi masalah besar bagi penduduk bandar raya termasuk Johor Bahru. Menurut seorang informan lagi, "Menyewa rumah memang memeningkan saya. Sewa bilik sahaja di Johor Bahru sudah mencapai RM350 sebilik, bagaimana nak sewa rumah?" Walau bagaimanapun, ada informan yang bernasib baik kerana mereka memiliki rumah pusaka, justeru merasa kurang tertekan dari segi perumahan. Namun, mereka sering menyatakan cabaran memiliki rumah bagi anak-anak mereka kelak akan menjadi sangat besar.

Bagi informan warga tua, ada yang bernasib baik dapat tinggal bersama anaknya yang memiliki rumah sendiri. Namun, tidak semuanya bernasib baik sedemikian. Ada warga tua yang mengalami tekanan hidup yang berat sehingga adakalanya mengalami kemurungan khususnya mereka yang tidak mempunyai anak ataupun anak-anak sudah tinggal bertaburan dan tidak ada di bandar tempat kediaman mereka. Insiden kemurungan di kalangan warga tua ini bukanlah sesuatu yang terpencil. Kajian oleh Sherina et al. (2005) ke atas 300 warga tua berusia 60 tahun ke atas di Bandar Baru Bangi menunjukkan perkara yang sama. Kajian itu mendapati 6.3 peratus responden mengalami kemurungan, terdiri daripada mereka yang mengalami penyakit kronik seperti strok, kencing manis dan mereka yang hilang upaya untuk berfungsi sendiri.

Sekiranya masalah pekerjaan, pendapatan dan perumahan menjadi isu besar bagi informan kelas bawahan dan kelas menengah bawah, keadaannya berlainan dengan keadaan yang dialami informan kelas menengah atas. Bagi mereka yang pendapatannya tinggi atau sederhana tinggi, mereka tidak merungut mengenai masalah pendapatan dan tekanan ekonomi. Semasa krisis ekonomi 1997/1998 serta krisis 2008/2009 yang baru lalu, mereka tidak begitu mengeluh kerana pendapatan mereka tidak banyak berubah kecuali mereka yang melabur di pasaran saham. Para informan kelas menengah atas khususnya mereka yang sudah lama dalam perkhidmatan merasa gembira kerana dapat memiliki kenderaan dan rumah sendiri yang selesa dan terletak di kawasan yang agak aman. Ada yang merancang menukar model kereta dan juga membeli

rumah baru yang lebih besar. Mereka menganggap kehidupan di bandar raya mempunyai banyak kelebihan kerana pelbagai peluang dan kemudahan yang disediakan. Namun, mereka sering menyatakan mereka merasa penat, dan kadang-kadang bosan. Antara sebab yang mereka berikan ialah kesuntukan masa untuk berehat dan berlibur, serta untuk bermesra bersama keluarga dan anak-anak kerana tuntutan kerjaya yang mengekang masa mereka. Selain itu, mereka semakin kritis terhadap masalah pencemaran seperti sampah sarap, pencemaran air sungai dan udara serta kerosakan alam sekitar. Selain itu, mereka menyatakan tidak selesa dengan suasana yang bising, kesesakan lalu lintas dan isu jenayah yang sering berlaku serta banjir warga asing.

Daripada huraian di atas, perbezaan di antara keutamaan golongan informan kelas bawahan dengan kelas menengah atas yang dikaji memang sangat jelas. Sementara perhatian informan kelas bawahan tertumpu kepada soalan bagaimana menangani masalah yang asas bagi kelangsungan hidup mereka seperti kos hidup harian dan perumahan, golongan informan kelas menengah, lebih-lebih lagi kelas menengah atas, menitikberatkan soal bagaimana meningkatkan kualiti hidup mereka, khususnya dari segi keselesaan, masa berkualiti (*quality time*) dan berlibur dengan keluarga khususnya anak-anak, penjagaan kesihatan dan sebagainya.

Gambaran yang diberikan oleh para informan dari ketiga-tiga bandar pertengahan yang dikaji iaitu Kuantan, Melaka dan Kota Bharu di mana tekanan isu perumahan dan kos hidup tidak sebegitu besar, adalah berbeza dengan keadaan di ketiga-tiga bandar raya Kuala Lumpur, George Town dan Johor Bahru. Informan kelas bawahan di Kuantan merasakan peluang bagi mereka memiliki rumah sendiri adalah jauh lebih baik. Hal ini kerana harga tanah dan rumah lebih rendah daripada ketiga-tiga bandar raya utama. Namun, sebahagian mereka turut menyewa rumah manakala ada informan yang tinggal di rumah mertua ataupun menumpang di rumah orang tua mereka.

Di Melaka hampir semua informan kelas menengah yang dikaji memiliki rumah sendiri, selebihnya masih tinggal di rumah peninggalan orang tua. Begitu juga halnya dengan informan kelas bawahan, terdapat informan yang menetap di rumah peninggalan orang tua ataupun rumah sendiri. Bagi informan golongan tua, ada yang tinggal bersama anak dan selebihnya tinggal di rumah sendiri.

Di Kota Bharu, para informan kelas menengah semuanya memiliki rumah sendiri, termasuk informan golongan tua. Ada yang tinggal di kawasan perumahan yang sudah terbina dengan mantap dan mengalami ikatan sosial yang kukuh. Bagi informan kelas bawahan terdapat mereka yang memiliki rumah sendiri, dan juga yang masih menyewa rumah. Menurut informan yang menyewa, kos menyewa rumah di Kota Bharu tidaklah setinggi di bandar lain, kerana mereka boleh mencari rumah sewa dengan membayar sekitar RM100

sehingga RM200 sebulan. Walau bagaimanapun, terdapat kekhususan di Kota Bharu. Menurut para informan itu, di bandar ini adalah susah untuk mendapatkan rumah di taman perumahan kerana di sini tidak banyak kawasan perumahan yang dibangunkan oleh pemaju dan persaingan untuk membelinya agak sengit. Tetapi menurut informan, penduduk di bandar ini "tidak merasai kekurangan rumah." Ini bermakna walaupun kawasan perumahan jarang dibangunkan oleh pemaju, ini tidak bermakna orang tempatan di Kota Bharu kekurangan atau ketiadaan rumah. Menurut informan lagi, di Kota Bharu dan sekitarnya, orang ramai yang mempunyai wang umumnya lebih suka membeli tanah dan membangunkan rumah sendiri. Hanya "orang luar" yang berhijrah ke Kota Bharu mungkin menghadapi masalah memiliki rumah. Walau bagaimanapun, menyewa rumah tidak menjadi masalah besar bagi mereka.

Daripada analisis di atas, pandangan dan kesan informan di Kota Bharu, Melaka dan Kuantan didapati agak berbeza dengan informan di tiga bandar raya yang dikaji. Secara umum, para informan menganggap ketiga-tiga bandar ini lebih mesra-penghuni daripada pelbagai aspek – ekonomi, persekitaran, sosial dan kerohanian. Misalnya, di Kota Bharu semua informan sama ada daripada kelas bawahan, menengah dan informan golongan tua merasa selesa dan suka tinggal di sana. Mereka menganggap Kota Bharu adalah sebuah bandar yang mesra-penghuni kerana kos hidupnya relatif rendah, makisat terkawal, kehidupan bandar tidak begitu sibuk, dekat dengan keluarga dan saudara mara, kurang kesesakan lalu lintas dan bunyi bising. Seperti dinyatakan oleh seorang informan kelas menengah, "Hidup di sini tenang, fikiran tak terganggu, ada suasana kampung, ada rasa harmoni kerana dapat mendengar suara azan setiap subuh." Namun, akhir-akhir ini, dengan adanya pembangunan baru khususnya kewujudan pasaraya mega seperti TESCO dan juga Mydin serta pembinaan yang lain, Kota Bharu mula mengalami kesesakan lalu lintas lebih-lebih lagi pada musim perayaan dan cuti sekolah.

Walaupun bagaimanapun, daripada pandangan informan, berbanding dengan kawasan kajian lainnya, bandar Kota Bharu ialah kawasan paling rendah kos hidup, disusuli oleh Melaka dan Kuantan. Tekanan hidup tidak begitu terasa berbanding dengan mereka yang tinggal di bandar raya utama khususnya Kuala Lumpur dan Johor Bahru. Menurut pengalaman seorang informan kelas bawahan di Kota Bharu, dengan pendapatan sebanyak RM1000 sebulan, beliau yang berbelanja secara berjimat tidaklah terasa sangat "tidak cukup untuk hidup" sekalipun perlu menyara isteri dan tiga orang anak yang masih bersekolah. Namun, beliau menambah, mereka tidak boleh boros atau hidup bermewah, dan itu juga bukanlah tujuan gaya hidup mereka.

Pengalaman dan pandangan informan di Bandar Melaka didapati lebih kurang sama. Namun, ada satu kekecualian, iaitu aspek kerohanian dan 'suasana kampung' di Melaka tidaklah dirasai sebagai begitu

menonjol dalam pengalaman dan pandangan dunia para informan yang tinggal di sana berbanding dengan mereka yang tinggal di Kota Bharu. Para informan menganggap Bandar Melaka yang berbilang etnik itu sebagai tempat yang sesuai bagi pesara serta mereka yang tidak terlalu mengejar kebendaan. Hal ini kerana bandar ini tidak begitu sibuk, lokasinya di pesisir pantai dan laut, harga rumah sewa dan barang makanan agak murah berbanding dengan bandar besar seperti Kuala Lumpur. Selain itu Bandar Melaka memiliki banyak peninggalan sejarah yang menarik, dan perhubungan dari satu tempat ke satu tempat lain mudah dicapai. Menurut seorang informan kelas pekerja yang pernah bekerja dan tinggal di Kuala Lumpur, kehidupan di Bandar Melaka jauh lebih selesa dan kurang tekanan berbanding dengan Kuala Lumpur. Katanya, "Di Kuala Lumpur manusia siang malam sibuk tak putus-putus; harga barang-barang mahal. Kesesakan lalu lintas sering berlaku, dan tempat yang dekat akan menjadi jauh. Saya tidak seronok tinggal di bandar raya ini." Seorang informan yang berasal dari Kelantan dan bekerja sebagai kontraktor landskap memberitahu bahawa dia suka bekerja dan tinggal di Melaka kerana peluang pekerjaan bagi orang sepertinya adalah "baik, kos hidup tidak begitu tinggi, dan sewa rumah teres kami (dua bilik) hanya RM150 sebulan." Dia memberitahu sebelum ini dia bekerja sebagai buruh kilang selama kira-kira sepuluh tahun, kemudian bertukar kepada pekerjaan sekarang apabila peluang terbuka. Isteri informan itu pula yang berasal dari Surabaya, Indonesia menyatakan kehidupan di Melaka baginya lebih menyeronokkan berbanding dengan kehidupan di kampung suaminya di Pasir Mas, Kelantan. Menurut pengalamannya, di Kelantan dalam dua tiga tahun kebelakangan ini, kos hidup mula meningkat, harga barang-barang makanan juga sudah naik dan kesesakan lalu lintas di sana juga semakin kerap.

Sungguhpun begitu, apabila membandingkan keadaan masa kini dengan keadaan lima atau sepuluh tahun dahulu, penduduk Bandar Melaka juga terasa kenaikan kos hidup seperti kenaikan harga rumah dan juga barang-barang keperluan harian. Sebagai contoh, para informan mengeluh mengatakan rumah teres satu tingkat yang pada tahun 1990-an dapat dibeli dengan harga kurang daripada RM100,000 seunit kini sudah meningkat kepada RM120,000 atau lebih. Selain itu, harga makanan dan minuman sudah naik beberapa kali dalam sepuluh tahun ini. Pada hari ini, harga sebungkus kecil nasi lemak naik daripada RM1.00 kepada RM1.50 manakala harga roti canai pula naik daripada 70 sen kepada 80 sen sekeping. Bagi minuman pula, harga yang disenaraikan di sebuah warung kopi di Bandar Melaka yang sering dikunjungi orang ramai khususnya golongan bawahan mencerminkan kedudukan harga terkini iaitu teh dan kopi susu berharga RM1.20 secawan manakala segelas besar berharga RM1.70; milo berharga RM1.50 secawan atau RM2.00 bagi segelas besar. Senarai harga ini menunjukkan kenaikan harga antara 20 hingga 40 peratus

dalam beberapa tahun ini. Para informan menyatakan kalau keadaan ini berterusan dan tidak dikawal oleh kerajaan, ia akan membebankan kehidupan khususnya golongan bawahan memandangkan pendapatan mereka tidak tinggi.

Di Kuantan, ramai informan dan orang yang mereka kenali juga menyatakan yang mereka suka tinggal di bandar ini. Mereka menarik perhatian kepada kos hidup yang tidak terlalu tinggi berbanding dengan bandar besar, bandar Kuantan pula tidak terlalu sesak ataupun bising, dan ia berdekatan dengan pantai (khususnya dengan tempat peranginan seperti Teluk Cempedak) dan penduduk bandar pula tidak begitu ramai. Lanskap Kuantan yang dianggap cantik dan bersih juga menyenangkan mereka. Akan tetapi seperti halnya dengan Bandar Melaka, sejumlah informan khususnya daripada kelas bawahan menyatakan kerisauan tentang kenaikan harga rumah dan barang keperluan. Berbanding dengan keadaan sebelumnya, mereka merasakan kenaikan ini semakin membebankan dan ini jauh berbeza berbanding dengan keadaan di tempat asal sebahagian daripada mereka yang datang dari luar Kuantan.

#### PEMBENTUKAN KOMUNITI BANDAR

Daripada perspektif sains sosial, perkembangan pembangunan dan pertumbuhan bandar dengan sejumlah bandar besar diisytiharkan sebagai bandar raya dalam beberapa dekad ini mencerminkan telah muncul suatu institusi sosial dan budaya baru, iaitu urbanisme sebagai suatu cara hidup baru dalam masyarakat dan tamadun Malaysia. Ini merupakan satu titik peralihan sejarah yang amat besar bagi negara ini. Apakah implikasi daripada urbanisme ini kepada masyarakat Malaysia? Seorang ahli sosiologi Amerika Syarikat daripada *The Chicago School of Sociology*, Louis Wirth (1938) menghujahkan bahawa urbanisme ialah suatu cara hidup berasaskan bandar dengan penghuninya mempunyai gaya hidup tersendiri yang nyata berbeza daripada mereka yang mendiami kawasan desa atau luar bandar. Cara hidup ini, menurut Wirth, menjejaskan budaya kerana ia menyumbang kepada kemerosotan nilai dan hubungan kekeluargaan serta hilangnya hubungan komuniti dan asas solidariti tradisional. Interaksi sehari-hari, tegasnya lagi, sungguhpun mencerminkan hubungan yang erat dari segi fungsi tetapi dari segi sosial wujud jarak yang ketara tanpa hubungan timbal balas sosial yang perlu. Apakah fenomena yang dikritik oleh Wirth ini berlaku dalam masyarakat bandar Malaysia? Apakah urbanisme semestinya negatif?

Beberapa kajian sebelum ini (Abdul Rahman 2002; Fischer 2008) menunjukkan bahawa sementara individualisme dan konsumerisme wujud di kalangan penghuni bandar khususnya kelas menengah, terdapat pula satu fenomena penting yang berlaku iaitu usaha pembentukan semula komuniti di kalangan warga bandar.

Fenomena ini didapati berlaku di keenam-enam bandar yang dikaji. Terdapat beberapa bentuk komuniti yang terjalin iaitu komuniti kejuruan berasaskan kawasan kediaman yang sama, komuniti keagamaan atau jumaah berdasarkan pegangan agama yang sama, komuniti pekerjaan terdiri daripada rakan-rakan sekerja, dan komuniti rekreasi yang terbentuk melalui hobi yang dilakukan secara bersama seperti bermain golf, kumpulan kesihatan seperti *taiqi qigong* (khususnya bagi orang Cina), kumpulan riadah pejalan kaki dan sebagainya.

Menurut perspektif informan, di kawasan kediaman mereka terdapat komuniti kejuruan yang dibentuk melalui usaha jawatankuasa penduduk (atau Jawatankuasa Keselamatan, Kemajuan dan Kebajikan – JKKK) yang bertanggungjawab memerhatikan soal keselamatan dan keamaan serta kerjasama di kalangan penduduk di kawasan kediaman masing-masing. Walau bagaimanapun, mereka sendiri tidak terlibat secara aktif kerana kesibukan kerja. Sungguhpun begitu, mereka merasakan jawatankuasa penduduk seperti ini penting untuk menangani kehidupan dan kepentingan penduduk lebih-lebih lagi apabila timbul masalah keselamatan seperti kejadian pecah rumah, jenayah ragut, penagihan dadah serta gejala sosial lain yang berlaku di sekitar kawasan kediaman mereka. Semua informan menyatakan kerisauan mereka tentang keadaan keselamatan khususnya pelbagai jenis jenayah yang sering dilaporkan dalam televisyen dan media lain hampir setiap hari. Menurut informan, keadaan sebegini menyebabkan penduduk merasa perlu memberi sokongan kepada usaha jawatankuasa penduduk di kawasan mereka supaya sesuatu dapat dilakukan bagi menjamin keamanan. Justeru mereka menyokong usaha jawatankuasa ini menggaji pengawal keselamatan dan mendirikan pondok keselamatan di kawasan kediaman mereka. Walaupun ramai informan tidak terlibat dalam jawatankuasa penduduk atau aktiviti-aktivitinya seperti mesyuarat penduduk, ada beberapa orang informan seperti di Kota Bharu dan Melaka menyatakan mereka ikutserta dalam pelbagai aktiviti anjuran jawatankuasa itu bagi memperbaiki kehidupan penduduk di kawasan kediamannya dari segi keselamatan, kebersihan, kerja gotong-royong, dan sebagainya. Aktiviti yang sering dianjurkan ialah membersihkan longkang dan sampah sarap untuk menghapuskan tempat pembiakan nyamuk denggi dan juga supaya kawasan menjadi bersih dan nyaman.

Bagi penduduk beragama Islam, para informan menyatakan perkara penting yang mesti diselesaikan apabila berada dalam kawasan kediaman ialah membina komuniti keagamaan atau jumaah. Proses ini berlaku di kesemua bandar yang dikaji. Untuk ini, institusi surau memainkan peranan yang amat penting. Mereka memberitahu walaupun masjid penting untuk pelbagai aktiviti keagamaan khususnya bagi mengendalikan sembahyang Jumaat, tetapi bagi kawasan perumahan mereka, institusi surau lebih penting kerana ia lebih dekat dengan masyarakat berbanding masjid. Ini sangat

ketara bukan sahaja di Kota Bharu tetapi juga di Melaka, Kuantan, Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Pulau Pinang. Institusi surau berperanan bukan sahaja sebagai tempat ibadat tetapi sebagai institusi sosial khususnya sebagai pusat pertemuan bagi menjalin hubungan silaturrahim antara penduduk. Hakikat ini diakui oleh para informan beragama Islam sekalipun ada di antara mereka tidak begitu kerap berjemaah di surau. Surau juga merupakan tempat kanak-kanak di kawasan perumahan berkenaan belajar mengaji Quran. Ibu bapa yang risau tentang pendidikan Quran bagi anak-anak mereka merasa lega sekiranya aktiviti itu dijalankan dengan baik di surau berdekatan. Umumnya, surau dan juga masjid di kesemua kawasan kajian menjadi instimewa meriah apabila tiba bulan Ramadhan. Ketika itu kita menyaksikan surau dan masjid penuh dibanjiri oleh penduduk Muslim untuk menunaikan sembahyang sunat tarawih dan beribadat, sungguhpun pada penghujung Ramadhan apabila Syawal semakin hampir tiba, bilangan jemaah merosot dengan ketara.

Membina jaringan komuniti melalui hobi masing-masing seperti sukan dan kegiatan lain juga merupakan salah satu bentuk yang penting. Di kalangan anggota kelas menengah atas, sejumlah mereka menganggotai kelab golf dan menjalin rangkaian dan persahabatan dengan rakan-rakan dan kenalan melalui aktiviti ini. Di Kuala Lumpur dan bandar-bandar lain, kelab golf sama ada yang dibina oleh pihak kerajaan atau oleh swasta memang sesuatu yang tidak asing lagi untuk disertai oleh penduduk yang mampu dan berminat. Sungguhpun begitu, kebanyakan penduduk tidak mengambil bahagian dalam aktiviti yang berpusatkan kelab golf. Sebaliknya apa yang berlaku seperti di kalangan sebahagian daripada informan dalam kajian ini, mereka mempunyai aktiviti riadah seperti berjalan kaki secara berkumpulan ataupun menyertai aktiviti *qi gong* ataupun *tai chi*. Bagi penduduk yang sudah bersara dan mempunyai masa, aktiviti ini dilakukan hampir setiap hari manakala bagi mereka yang bekerja, mereka melakukannya pada hari minggu ataupun hari cuti.

Satu perkara penting yang turut menjalin hubungan komuniti di kalangan penduduk bandar ialah aktiviti-aktiviti seperti kenduri-kendara dan juga perayaan pelbagai kaum. Seperti dinyatakan oleh para informan, di kawasan kediaman mereka sering terdapat kenduri seperti nikah kahwin di mana bukan sahaja saudara-mara dan sahabat dari luar kawasan dijemput tetapi turut diundang ialah jiran tetangga mereka. Begitu juga hari perayaan pelbagai kaum. Perayaan dalam bentuk ‘rumah terbuka’ yang menghidangkan pelbagai jenis juadah sering diadakan di kawasan kediaman di mana ramai jiran dan juga saudara-mara dan sahabat handai dari luar dijemput menghadirinya. Kesemua ini membantu membentuk komuniti di kawasan kediaman masing-masing (Abdul Rahman 2002).

Di kalangan kaum wanita, sekalipun mereka daripada kelas menengah atas, sangat sedikit yang

terlibat dengan kelab golf sebagai rekreasi. Namun, ada satu aktiviti sosial yang penting di kalangan wanita yang menyumbang kepada pembentukan persahabatan dan pembinaan kumpulan kecil yang erat dalam komuniti. Aktiviti ini ialah amalan memberi hadiah antara satu sama lain seperti makanan masakan mereka, dan adakalanya makanan istimewa dari tempat lain yang dibawa oleh saudara-mara ataupun makanan yang mereka beli semasa melawat tempat itu. Amalan ini adalah sebahagian daripada amalan tradisional pelbagai kaum. Selain itu, ada amalan baru iaitu pemberian hadiah berbentuk bunga dalam pasu untuk perhiasan dalam laman rumah masing-masing ataupun hadiah hari jadi untuk anak-anak jiran. Amalan seperti ini yang lazim berlaku di kalangan wanita Melayu bandar sudahpun dikesan dalam kajian Armstrong (1984) di Kuala Lumpur pada awal 1980-an. Menurut Armstrong, antara strategi wanita untuk menjalin persahabatan dan menyesuaikan diri dengan konteks kejiranan bandar raya ialah aktiviti sembang-sembang sesama mereka. Aktiviti seperti ini memang sesuatu yang penting dan berlaku secara berterusan pada hari ini di kesemua kawasan bandar yang dikaji.

Walau bagaimanapun, tidak semua anggota kejiranan dalam sesebuah kawasan perumahan terlibat dalam kesemua aktiviti ini. Individualisme dan sikap tidak mempedulikan jiran sekeliling masih tetap ketara. Seperti dinyatakan oleh sesetengah informan dalam kajian ini, ada jiran yang bersikap seperti kera sumbang, tidak mahu bergaul dengan orang lain. Selain itu jarak antara generasi dan antara kaum juga wujud. Sikap tidak mempedulikan atau menghormati orang tua serta tidak mesra dengan kaum lain memang wujud. Ini ketara di kalangan kawasan perumahan di Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Pulau Pinang, tetapi tidak begitu ketara di bandar-bandar pertengahan khususnya Kota Bharu dan Bandar Melaka. Ada informan menyatakan rasa kesal apabila melihat keadaan tidak mempedulikan orang lain serta jarak yang wujud, khususnya antara yang muda dan yang tua serta antara pelbagai kaum seperti dinyatakan di sini dan mengharapkan keadaan ini tidak akan berterusan.

Ringkasnya, kritikan Wirth terhadap budaya masyarakat bandar adalah tepat dari satu segi, iaitu individualisme dan ketidakpedulian. Akan tetapi, terdapat segi lain yang beliau tidak mengambil perhatian iaitu peranan manusia sebagai agensi yang aktif yang membentuk semula hubungan dan organisasi sosial mereka bagi memenuhi tujuan kehidupan sosial berpandukan nilai-nilai budaya dan keagamaan yang mereka pegang sebelum ini.

#### BANDAR LALUAN SEMENTARA ATAU TEMPAT BERMASTAUTIN TETAP?

Perbincangan di atas yang cuba menyingkapkan pandangan dunia dan persepsi para informan yang dikaji

mengenai kehidupan mereka di bandar raya dan bandar pertengahan memberikan kita gambaran mengenai setakat mana informan sudah berintegrasi dengan kehidupan di bandar sama ada urbanisme sudah menjadi cara hidup mereka. Beberapa faktor tersirat dalam naratif informan itu yang bakal mempengaruhi keputusan mengenai hari depan mereka. Sama ada bandar secara umum, ataupun bandar yang mereka diami kini akan menjadi tempat bermastautin terakhir bagi mereka akan dipengaruhi oleh pelbagai faktor struktural, khususnya peranan pasaran, campurtangan pemerintah, hubungan sosial, persekitaran dan kehidupan kerohanian.

Bahagian ini akan meneliti bagaimana perancangan para informan untuk masa hadapan khususnya berkaitan dengan tempat bermastautin mereka nanti. Di ketiga-tiga bandar raya yang dikaji, terutamanya di Kuala Lumpur, kebanyakan informan kelas bawah merancang untuk kembali ke kampung asal mereka, ataupun pergi ke kawasan lain yang lebih rendah kos hidup. Mereka mengharapkan untuk berbuat demikian sekiranya keadaan mengizinkan, yakni apabila ada peluang pekerjaan di tempat lain yang lebih rendah kos hidupnya. Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Johor Bahru dianggap secara instrumental sebagai tempat atau laluan yang memberikan mereka peluang mendapatkan pekerjaan dan pendapatan yang boleh disimpan untuk hari depan, tetapi bukan sebagai tempat bermastautin seumur hidup dan meninggal di sana. Memang benar ada di antara informan tidak pasti tentang apa yang akan mereka lakukan kelak kerana usia mereka masih muda dan mereka masih mencari peluang pekerjaan yang lebih baik sama ada di bandar yang mereka diami kini ataupun di tempat lain. Tetapi ada di antara mereka memang sudah membuat keputusan dengan menyediakan tanah untuk mendirikan rumah di kampung apabila "sampai masanya nanti." Bagi mereka, balik ke kampung asal atau mendirikan rumah dengan sebidang tanah di kawasan kampung akan membolehkan mereka membuat kerja seperti menanam sayur ataupun kerja lain sesuai dengan pengalaman, tenaga dan minat mereka. Bagi mereka yang belum memiliki tanah, soal besar bagi mereka ialah mengumpulkan wang yang mencukupi untuk membeli tanah dan juga membina rumah nanti, dan ini satu kerisauan bagi mereka memandangkan kosnya yang semakin meningkat.

Untuk kelas menengah, hampir kesemua informan yang ditemu ramah menyatakan mereka memilih untuk terus tinggal di bandar ataupun di pinggir bandar, seperti di taman perumahan eksklusif yang giat dibina oleh para pemaju. Kebanyakan informan kelas menengah ini sudahpun memiliki rumah sendiri di bandar raya. Ramai di antara mereka merancang untuk membeli rumah baru di taman perumahan eksklusif yang lebih selesa dan selamat agar mereka dapat tinggal secara tetap manakala rumah yang mereka miliki kini akan dijual ataupun disewakan. Bagaimanapun mereka juga menyedari kesukaran untuk berbuat demikian kerana tempat kediaman sedemikian semakin tinggi kosnya.

Peluang berbuat demikian akan terbuka sekiranya mereka dapat menyimpan wang yang lebih sahaja.

Satu proses pembezaan dari segi status sedang berlaku di kalangan kelas menengah atas dan golongan korporat pelbagai kaum, khususnya mereka yang tinggal di bandar raya kosmopolitan. Ini ternyata bukan sahaja dalam pemilikan kereta mewah import dan rumah kediaman kos tinggi, tetapi juga usaha mewujudkan kelainan dalam bentuk mencuba menggabungkan unsur alam seperti desa, pergunungan ataupun pantai dalam kehidupan mereka. Ini mencerminkan suatu budaya kemewahan sedang berkembang di kalangan mereka, iaitu mencipta semula atau *reinvent* suatu 'kehidupan yang sudah hilang.'

Apa yang sedang berlaku ialah selain memiliki rumah sekarang, para informan ini dan juga sebahagian kawan-kawan mereka juga membeli banglo, apartmen atau unit dalam kondominium yang dibina di kawasan pergunungan seperti di Genting, Bukit Tinggi, Janda Baik, dan lain-lain, ataupun di kawasan peranginan di pantai yang terkenal seperti Port Dickson dan Melaka. Bahkan, ada juga di antara mereka yang bercadang membeli 'rumah dusun' di Desa Permai, di Johor – satu kawasan perumahan dusun yang dibina oleh pemaju di Johor untuk penduduk kota yang kaya yang ingin mempunyai rumah di kawasan dusun buah-buahan seluas beberapa ekar. Kediaman di resort pergunungan ataupun pantai ataupun di dusun ini bukanlah tempat kediaman mereka yang tetap, tetapi sebagai kediaman sementara semasa bercuti. Kehidupan di sana adalah sebahagian daripada aktiviti berlibur. Menurut informan, "Inilah peluang sekali-sekala untuk lari daripada kesibukan dan kebisingan kota." Gaya hidup ala-resort peranginan ini nampaknya semakin popular. Sama ada mereka tinggal di kawasan pergunungan, di pantai atau di dusun, gaya hidup bandar sudah sebatang dengan mereka, dan mereka akan membawa gaya hidup itu ke mana sahaja mereka pergi. Mereka menafikan gaya hidup begini sebagai satu eskapisme, tetapi ia adalah sebagai cara bagi menambah keselesaan dan sesuai dengan status sosial mereka. Seperti kata salah seorang informan yang bercakap bagi dirinya dan kawan-kawannya, "Kalau kami mampu, apa salahnya. Orang lain tak boleh dengki." Walaupun tempat kediaman kedua di kawasan peranginan, pergunungan dan desa ini mungkin dilihat sebagai tempat untuk *retreat* atau berehat pada hujung minggu atau musim cuti, ada di kalangan informan yang menyatakan mereka mungkin akan menetap di sana setelah bersara daripada pekerjaan mereka kelak. Dengan kata lain, mereka merancang menghabiskan usia mereka di tempat sedemikian.

Gaya hidup eksklusif di atas bukan sahaja terdapat di kalangan kelas menengah atas dan kelas korporat Melayu tetapi juga kelas menengah dan korporat Cina, India dan lain-lain. Perbezaannya ialah bagi informan Cina, atau India, mereka tidak menyatakan ingin kembali ke desa, tetapi mahu bermastautin tetap di kota atau di peluaran kota. Ini kerana sebagai satu komuniti, mereka

sudah lama menetap di bandar dan mengamalkan cara hidup bandar. Satu kelainan yang terdapat di kalangan golongan kelas menengah atas dan korporat Cina yang tidak terdapat di kalangan korporat Melayu ialah pilihan untuk tempat bersemadi setelah meninggal dunia. Di kalangan golongan kaya Cina, ada di antara mereka yang sudah memilih dan membeli lot tanah perkuburan sekalipun harganya berpuluh-puluh ribu ringgit bagi satu lot. Di antara tanah perkuburan yang popular ialah Nilai Memorial Park di Negeri Sembilan dan Semenyih di Selangor.

Nampaknya keadaan yang berlaku di Kota Bharu sangat berbeza dengan apa yang berlaku di bandar-bandar lain. Semua informan di Kota Bharu memilih akan terus menetap di Kota Bharu dan menghabiskan sisa hidup mereka di sana. Keadaan ini terdapat baik di kalangan informan kelas bawahan, kelas menengah dan juga golongan tua. Hampir semua informan pula telah memiliki rumah sendiri di kawasan kampung biasa yang jaraknya antara tiga hingga enam kilometer dari pusat bandar, kecuali bagi seorang informan kelas bawahan yang merupakan penyewa rumah. Informan ini menyatakan bagi masa hadapannya nanti, dia merancang akan membeli rumah di kawasan pinggir pantai.

Pandangan yang hampir sama didapati wujud di kalangan informan di Melaka. Hampir semuanya ingin terus menetap di bandar Melaka, lebih-lebih lagi kerana sebahagian besar daripada informan sudah memiliki rumah di bandar ini. Juga ramai daripada mereka berasal dari Melaka tetapi sebelum ini berpindah ke bandar lain untuk mendapat kerja. Bagi informan yang berasal dari negeri lain, ada yang masih belum membuat keputusan sama ada akan menetap di Melaka ataupun balik ke kampung asal mereka apabila bersara nanti, namun sebahagian mereka sudah memutuskan akan menetap di sini kerana sudah memiliki rumah dan selesai dengan cara hidup di bandar ini.

Untuk bandar Kuantan pula, jumlah terbanyak informan menyatakan mereka akan terus kekal menetap di bandar ini. Walau bagaimanapun terdapat beberapa informan yang ingin meninggalkan bandar ini dan balik ke kampung asal mereka di Johor untuk menetap di sana manakala ada juga informan yang ingin pulang untuk menetap di kampung asal tetapi masih di negeri Pahang. Akan tetapi, walaupun informan di Kuantan menyatakan mereka terus akan menetap di kawasan bandar ini, mereka berhasrat untuk menetap di kawasan pinggir bandar khususnya di kawasan yang tidak jauh dari pantai. Ada di antara mereka juga telah mempunyai rumah di kawasan pinggir bandar dan kawasan kampung di sekitar beberapa kilometer sahaja dari bandar.

## HUBUNGAN BANDAR-DESA SEBAGAI KONTINUM

Bagaimana harus kita memandang hubungan antara bandar dengan luar bandar ataupun desa? Apakah kedua-

duanya merupakan dua pola yang begitu jauh terpisah ataupun kedua-duanya wujud dalam satu kontinum yang berkait erat? Persoalan ini telah wujud dalam pemikiran teori sejak sekian lama dan dibangkitkan lagi pada hari ini. Wirth dalam artikel klasiknya yang ditulis pada 1930-an mengenai pembandaran, kemunculan bandar dan gaya hidup bandar sebagai fenomena baru dalam tamadun manusia yang kita rujuk sebelum ini telah menyinggung perkara ini. Dalam artikel itu, beliau antara lain menimbulkan persoalan sosiologikal mengenai kesukaran dalam definisi bandar. Wirth mengkritik usaha mendefinisikan bandar sebagai entiti fizikal berdasarkan ukuran bilangan penduduk yang mendiami kawasan yang ditetapkan. Beliau mengajukan pandangan bahawa bandar ialah sebuah petempatan khusus yang dicirikan oleh bilangan penduduk yang terkumpul dalam jumlah yang agak besar, manusianya tidak homogen, dan penempatannya kekal, manakala penduduknya mencerminkan gaya hidup tersendiri. Berdasarkan ciri-ciri urbanisme sebagai suatu bentuk kehidupan yang berbeza dan khusus, maka sudah tentu ciri-ciri itu tidak boleh disempadankan semata-mata dalam kawasan fizikal yang diistilahkan sebagai 'bandar' dalam banci pemerintah.

Hakikat bahawa konsep 'bandar-desa' atau 'bandar-luar bandar' perlu didefinisi semula secara lebih jitu seperti dibangkitkan oleh Wirth pada awal abad ke-20 tetap relevan pada hari ini. Perkara ini telah dibangkitkan oleh Terry McGee pada awal 1990-an. McGee (2008) menunjukkan dengan semakin meningkatnya pembandaran dan perubahan demografi, apa yang selama ini dirujuk sebagai bandar dan luar bandar juga sudah berubah dengan turut berubahnya lokasi kedua-dua entiti ini. Aktiviti bandar atau *urban* yang ditakrifkan sebagai aktiviti bukan-pertanian kini semakin meresap masuk ke dalam kawasan yang dahulunya ditakrifkan sebagai 'luar bandar' atau 'desa' hasil kemajuan sistem pengangkutan dan komunikasi yang memungkinkan wujudnya *transactional space* yang baru. Namun, dengan perkembangan ini tidak bererti kawasan desa telah terhapus kerana bandar-desa wujud dalam satu kontinum. Seperti ditegaskan oleh McGee (2008: 2):

There is still a spatial continuum from parts of the country that are dominantly rural to the urban cores in which urban activities dominate but it is the space between these two poles made-up of mixed rural and urban activities that is becoming increasingly important.

Bertolak daripada pemikiran wujudnya kontinum bandar-desa ini, McGee membezakan 'urban core' (pusat bandar) dan 'urban periphery' (pinggir bandar) serta membincangkan kemunculan 'mega urban region' (wilayah urban mega) bagi sesetengah bandar raya besar di pelbagai negara Asia. Akan tetapi, beliau menghujahkan wujud satu lagi kawasan yang sebelum ini ditakrifkan sebagai 'luar bandar' dalam banci dan juga pemikiran para perancang, iaitu kawasan yang berada di

luar pinggir bandar ataupun di luar wilayah urban mega. Kawasan ini mengandungi ciri-ciri bandar dan juga desa, yakni aktiviti industri dan juga pertanian sekaligus dan beliau namakan kawasan ini sebagai 'desakota.' Kawasan ini menjadi semakin penting dalam kehidupan manusia dan juga dalam penelitian mengenai pembandaran dan perubahan sosial.

Hakikat kekaburan sempadan antara bandar dan desa ini juga relevan bagi kajian yang diolah dalam artikel ini mengenai pembandaran dan kehidupan bandar di Semenanjung Malaysia. Kita dapati di kalangan informan kajian ini khususnya mereka yang tinggal di bandar raya utama, kecenderungan untuk keluar daripada pusat bandar yang sesak ke pinggir bandar dan juga ke kawasan yang melepasi sempadan bandar (atau desakota menurut istilah McGee) adalah ketara. Kecenderungan di kalangan sesetengah informan untuk terlibat dalam aktiviti pertanian seperti berdusun atau aktiviti pertanian lain di peluaran bandar di samping mengekalkan kehidupan bandar adalah contoh yang ketara. Namun, analisis yang lebih mendalam mengenai kecenderungan ini memerlukan satu kajian yang lain. Apa yang penting di sini ialah artikel ini memberikan bukti empiri yang sungguhpun amat sederhana dan ringkas, tetapi menyokong konsepsi "hubungan bandar-desa sebagai kontinum" dan juga kemunculan ruang "desakota" seperti diajukan oleh McGee.

## KESIMPULAN

Dalam bahagian ini, ada beberapa perkara boleh disimpulkan yang mempunyai implikasi bagi ilmu khususnya bagi tujuan kajian lebih lanjut mengenai pembandaran dan kehidupan bandar serta implikasi bagi dasar pemerintah. Pertama, persoalan penting dalam wacana mengenai pembandaran dan kehidupan bandar iaitu apakah hubungan sosial baru yang urban sifatnya akan menenyapkan hubungan kekeluargaan dan komuniti seperti dibangkitkan oleh Wirth (1938). Wirth menghujahkan bahawa dalam masyarakat bandar, ikatan kekeluargaan, kejiranan serta sentimen hidup bersama yang wujud dalam masyarakat folk akan merosot ataupun hilang kerana perbezaan latar belakang penduduk; justeru dalam keadaan demikian, persaingan dan kawalan sosial formal menggantikan amalan kawalan tradisional. Analisis yang diajukan dalam artikel ini menunjukkan kritikan Wirth terhadap budaya masyarakat bandar adalah tepat dari satu segi iaitu individualisme, ketidakpedulian dan pentingnya kawalan sosial yang formal. Akan tetapi, terdapat segi lain yang beliau tidak mengambil perhatian iaitu peranan manusia sebagai agensi yang aktif yang mampu membentuk semula hubungan dan organisasi sosial mereka bagi memenuhi tujuan kehidupan sosial berpandukan nilai-nilai budaya dan keagamaan yang mereka pegang sebelum ini. Ini jelas terbukti dengan usaha pembentukan komuniti dan wujudnya komuniti

yang agak utuh walaupun dalam masyarakat bandar, dan usaha membina komuniti itu memanfaatkan sumber-sumber sosiobudaya yang berasal daripada masyarakat tradisi. Dalam artikelnya, Wirth mengambil ingatan bahawa bandar adalah hasil pertumbuhan dan perkembangan dalam sejarah, bukannya sesuatu yang muncul secara tiba-tiba; justeru kehidupan manusia akan mengekalkan sebahagian tinggalan ciri-ciri daripada cara kehidupan sebelumnya seperti kehidupan di dusun, ladang dan kampung. Sementara beliau menegaskan perkara ini, namun beliau tidak menjangkakan bahawa tinggalan ciri-ciri masyarakat tradisi itu boleh dicipta semula untuk disesuaikan dengan kehidupan baru di bandar bagi memanfaatkan kehidupan sosial bandar. Ini bererti urbanisme tidaklah sesuatu yang membawa kesan negatif semata-mata.

Kedua, berkaitan dengan perkara pertama di atas, urbanisme sudah menjadi *a way of life* dalam tamadun Malaysia, dan ini satu titik balik sejarah yang amat besar. Memang perubahan ini telah mencetuskan memori kolektif tentang 'kehilangan sesuatu' (khususnya 'kehilangan komuniti') serta menguatkan nostalgia tentang apa yang dikatakan '*the good old days*' yang diimajinasikan ataupun yang dilalui pada zaman kanak-kanak, lebih-lebih lagi bagi informan yang tinggal di bandar raya kosmopolitan. Tersepit dengan dilema ini, dan menyedari bahawa mereka tidak mungkin mundur mendirikan semula masyarakat lama, ada informan cuba mencari jalan keluar dengan mencipta sesuatu yang baru di kawasan perumahan mereka, ataupun mereka meninggalkan tempat itu untuk kembali ke tempat asal ataupun ke tempat lain yang dianggap lebih selesa. Namun, perlu diperhatikan bahawa pengalaman hidup di bandar adalah sesuatu yang baru di kalangan sebahagian informan, justeru nostalgia kepada kehidupan desa kadang-kadang muncul. Akan tetapi, dengan peredaran masa apabila semakin ramai generasi baru telah lahir dan kehidupan bandar menjadi semakin tersebati, nostalgia ini mungkin akan berubah.

Ketiga, apakah perbezaan antara kehidupan bandar di bandar raya utama dengan bandar pertengahan? Artikel ini menunjukkan di kalangan informan yang tinggal di bandar raya utama seperti Kuala Lumpur dan Pulau Pinang terdapat dua kecenderungan. Di satu pihak, terdapat sejumlah informan yang tinggal di bandar raya sudah memutuskan tempat itu sebagai tempat tinggal mereka yang tetap. Ramai di antara mereka sudahpun menetapkan sedemikian kerana mereka sudah bersebati dengan kehidupan kota dan juga kerana soal praktikal. Di pihak lain wujud sebahagian informan yang menganggap bandar raya sebagai laluan tempat membina kerjaya dan bukannya tempat tetap mereka seumur hidup. Justeru, mereka berhasrat pulang ke bandar asal ataupun kampung asal ataupun berhijrah ke bandar lain ataupun ke luar negara sekiranya wujud peluang berbuat demikian. Keadaannya berlainan dengan informan di bandar pertengahan, lebih-lebih lagi bagi bandar seperti

Kota Bharu dan Melaka. Pembentukan komuniti lebih mantap dan proses kehidupan bandar yang tidak begitu pantas dan yang memberi tekanan tertentu menjadikan bandar-bandar berkenaan suatu tarikan untuk menetap semasa usia tua. Bagi ramai informan di bandar tersebut dan orang yang mereka kenal, kehidupan di bandar itu menjadi matlamat tempat tinggal tetap mereka, bukannya sebagai tempat 'mencari makan' semata-mata.

Keempat, cabaran kehidupan di kalangan penghuni bandar khususnya kenaikan kos hidup khususnya barangan keperluan harian dan juga harga rumah dirasai dalam darjah yang berbeza-beza di kalangan informan kelas bawahan dan kelas menengah serta informan yang mendiami bandar raya utama dengan mereka tinggal di bandar pertengahan. Sementara golongan bawahan merasa keperitan akibat kenaikan kos hidup di bandar, golongan kelas menengah khususnya menengah atas nampaknya tidak menjadikan hal ini isu besar. Walau apapun, umumnya mereka mahu soal kenaikan kos hidup ditangani dengan berkesan oleh pemerintah agar kualiti hidup tidak terjejas. Selain itu, isu keselamatan, kesesakan lalu lintas dan kelestarian alam sekitar juga menjadi isu penting bagi mereka.

Kelima, terdapat gambaran yang agak berbeza berhubung dengan pengalaman pembandaran di negara membangun seperti Malaysia dan di sejumlah negara maju. Di Malaysia kita menyaksikan semakin ramai penduduknya berhijrah ke bandar dan tinggal di kawasan yang secara rasmi diistilahkan sebagai bandar manakala kawasan desa dan penduduk luar bandar semakin mengecil dan proses ini masih berterusan. Di beberapa buah negara maju seperti Jepun dan Perancis, keadaannya memperlihatkan sebahagian penting penduduk mereka masih kekal berada di kawasan yang diistilahkan sebagai 'luar bandar.' Soalan yang perlu ditangani ialah: Apakah Malaysia perlu meneruskan dengan dasar pembandaran yang pesat ini ataupun cuba melakukan intervensi bagi memperlahkannya agar kawasan desa dapat mengekalkan sebahagian besar penduduk yang terlibat dalam aktiviti pertanian dan yang berkaitan tetapi memanfaatkan teknologi moden? Para pengkaji perlu membahas soalan ini secara mendalam manakala pemerintah perlu meneliti semula dasarnya mengenai perkara ini agar hasratnya untuk membina kehidupan yang lebih sejahtera untuk rakyat dapat dilaksanakan.

Pembandaran dan pertumbuhan bandar adalah suatu proses sosial dan sejarah. Walau bagaimanapun, intervensi manusia adalah perlu untuk menjadikan kehidupan bandar itu lebih memanfaatkan semua pihak. Pada masa yang sama, proses pemupusan kawasan luar bandar dan penduduknya perlu ditangani secara berkesan agar kawasan luar bandar juga dapat dilestarikan dan masyarakat menjadi lebih seimbang. Permasalahan ini berserta serangkaian permasalahan lain berhubung dengan pembandaran dan kehidupan bandar perlu diteliti lebih lanjut khususnya oleh penyelidik-penyelidik muda agar bidang kajian pembandaran di negara seperti Malaysia



yang giat berusaha menjadi negara maju berpendapatan tinggi dapat disuburkan lagi.

## RUJUKAN

- Abdul Rahman Embong. 1996. Social Transformation, the State and the Middle Classes in Post-independence Malaysia. *Southeast Asian Studies* (Kyoto University) 34(3): 56-79.
- \_\_\_\_\_. 2002. *State-led Modernization and the New Middle Class in Malaysia*. Basingstoke: Palgrave.
- \_\_\_\_\_. 2006. Between Optimism, Contestation and Caution: The Second Generation Middle Classes in Malaysia. Dlm. *The Changing Faces of the Middle Classes in Asia-Pacific* Hsin-Huang Michael Hsiao (ed.). Taipei: Academia Sinica.
- Abdul Samad Hadi. 2001. Laluan Ke Arah Pembangunan di Malaysia. *Akademika* 58.
- Ahmad Ariffian Bujang, Hasmah Abu Zarin & Mohd Razali Agus. 2008. Urban Housing Ownership: Factors Influenced the Problems Faced by the Bumiputera in the District of Johor Bahru, Johor, Malaysia. <http://docs.google.com> (PDF dicapai pada 4 Februari 2011).
- Armstrong, M. Jocelyn. 1984. Women's Friendship in the Context of Adaptation to Urban Living: A Malaysian Case Study. Working Paper No. 70. November. Department of Anthropology, University of Hawaii at Manoa.
- Azahan Awang, M.J. Jamaluddin, Lukman, Z.M., Kamaruddin A. & Kadir, A. 2009. The Quality of Life in Malaysia's Intermediate City: Urban Dwellers Perspective. *European Journal of Social Science* 9(1): 161-167.
- Brown, David. 1994. *The State and Ethnic Politics in Southeast Asia*. London & New York: Routledge.
- Dasimah Omar. 2008. Communal Living Environment in Low Cost Housing Development in Malaysia. *Asian Social Science* 4(10): 98-105.
- Fischer, Johan. 2008. *Proper Islamic Consumption: Shopping among the Malays in Modern Malaysia*. Copenhagen: NIAS Press.
- Malaysia. 1996. *Seventh Malaysia Plan 1996-2000*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- \_\_\_\_\_. 1999. *Mid-Term Review of the Seventh Malaysia Plan 1996-2000*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- \_\_\_\_\_. 2006. *Ninth Malaysia Plan, 2006-2010*. Putrajaya: Economic Planning Unit, Prime Minister's Department.
- \_\_\_\_\_. 2011. *Tenth Malaysia Plan, 2011-2015*. Putrajaya: Economic Planning Unit, Prime Minister's Department.
- McGee, Terry. 2009. The Spatiality of Urbanization: The Policy Challenges of Mega-Urban and Desakota Regions of Southeast Asia. *UNU-IAS Working Paper No. 161*. Yokohama: United Nations University Institute of Advanced Studies.
- Sherina, M., Sidik Rampal, L., Aini, M. & M. Norhidayati, H. 2005. The Prevalence of Depression among the Elderly in an Urban Area of Selangor, Malaysia. *The International Medical Journal* 4(2) December 57-63.
- Wirth, L. 1938. Urbanism as a Way of Life. *American Journal of Sociology* 44: 1-24.

Abdul Rahman Embong, PhD  
 Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS)  
 Universiti Kebangsaan Malaysia  
 43600 UKM Bangi, Selangor  
 Malaysia  
 Email: rahmanhe@ukm.my